

## **KONSEP SEMPADAN NEGERI DALAM MASYARAKAT**

*Meor Ahmad Noor Mior Hamzah*

### **PENGENALAN**

Istilah sempadan<sup>1</sup> membawa makna batas (negeri, kampung dan lain-lainnya). Ia juga bererti sebagai “had atau takat” yang menjadi perenggan pemisah antara satu kawasan dengan kawasan yang lain. Bagi masyarakat Melayu tradisional sempadan merupakan sesuatu yang “kabur” iaitu sesuatu yang wujud tetapi tidak kelihatan pada mata mereka. Hal ini hanya menjadi jelas setelah kedatangan pengaruh Barat yang mempunyai konsep tersendiri dalam membuat ketetapan sempadan.

Negara membawa pengertian “satu kawasan tertentu yang mempunyai suatu masyarakat dan diperintah/berperintah dengan sebuah kerajaan.”<sup>2</sup> Bagi perkara ini pengertian “Negara dan negeri” mempunyai makna yang sama, hanya perbezaannya adalah dari segi saiz disebabkan oleh sistem pemerintahan yang sama berlaku kepada negara/negeri tersebut. Dalam perbincangan terhadap masyarakat Melayu tradisional, konsep kewujudan sesuatu kawasan yang membawa perkembangan menjadi satu negeri, itulah yang mesti diambil kira. Dengan ini penilaian kewujudan “sempadan” dan “negara” mestilah dilihat kepada perkembangan sesebuah negeri yang pada ketika itu lebih dikenali dengan perkataan “kerajaan”.

Penelitian terhadap kewujudan “sempadan” dan “negara” dilakukan dari peringkat yang lebih asas. Ia ditinjau dari kewujudan sempadan antara sebuah rumah dengan rumah yang lain, sebuah kampung dengan kampung yang lain, daerah dengan daerah yang lain hinggalah antara sesebuah negeri/kerajaan dengan negeri/kerajaan yang lain.<sup>3</sup>

### **MEMBINA KONSEP**

Konsep sempadan negeri Melayu tradisional perlu dilihat dari kacamata masyarakat ketika itu. Ini dapat dilakukan melalui penelitian terhadap penulisan-penulisan yang dihasilkan pada waktu itu. Dengan cara ini dapat mengelak daripada memahami peristiwa lampau melalui kacamata hari ini.<sup>4</sup> Bagi tujuan ini penelitian telah dilakukan ke atas penulisan bercorak sastera sejarah (*Histriografi*) dan undang-undang Melayu Lama (*Malay Legal Digest*).

Penelitian telah dibuat ke atas dua belas buku bercorak sastera sejarah dan empat buah penulisan undang-undang. Buku-buku tersebut terdiri daripada Sejarah Melayu(SM), Hikayat Hang Tuah(HHT), Salasilah Perlis(SP), Hikayat Merong Mahawangsa(HMM), Misa Melayu(MM), Hikayat Seri Kelantan(HSK), Hikayat Patani(HP), Hikayat Raja Pasai(HRP), Hikayat Banjar(HB), Hikayat Pahang(HP), Hikayat Johor(HJ), Hikayat Siak(HS),<sup>5</sup> Hukum Kanun Melaka(HKM),<sup>6</sup> Undang-

undang Kedah(UUK), Undang-undang 99(U99) dan Hukum Kanun Pahang(HKP).

Melalui penelitian ke atas penulisan-penulisan di atas, dapat dirumuskan satu pengandaian maksud sempadan bagi sesuatu tempat atau kawasan. Hal ini diperoleh melalui penceritaan atau perbincangan terhadap sesuatu peristiwa atau perkara yang berlaku semasa itu. Antaranya buku-buku di atas menyebut perkara-perkara seperti “negeri baru, ada rakyat raja tiada”; ciri-ciri sebuah negeri iaitu kota dan parit, pasar dan lorong, kampung dan desa, sungai dan anak sungai, dusun, teluk dan rantau, berhuma, bukit dan tanah tinggi, pulau-pulau; konsep pegangan-“orang”; konsep anugerah/hadiah/kurnia; konsep wilayah/daerah; jajahan/takluk; pembahagian kawasan; penentuan tempat berperang seperti kawasan hujung negeri, padang, pulau dan seberang; Peristiwa-peristiwa penting seperti perang, tempat persinggahan, ketetapan sempadan dan jual negeri.

Pemahaman terhadap ciri-ciri sempadan tradisional menjelaskan lagi tentang persamaan dan perbezaan antara konsep sempadan tradisional dengan konsep sempadan yang difahami hari ini. Ini kerana permasalahan yang wujud berhubung sempadan pada hari ini adalah disebabkan pembentukkannya yang tidak mengambilkira ciri-ciri tradisional yang wujud.<sup>7</sup>

### **MEMBUKA NEGERI BARU (ADA RAKYAT RAJA TIADA)**

Melalui konsep sempadan tradisional, sesebuah negeri baru yang hendak dibuka oleh seseorang raja, secara umum sudahpun mempunyai penduduk yang ramai. Rata-rata penduduk mendiami kawasan sekitar “tempat” yang menjadi pilihan raja membuat kota. Atas sifat alam Melayu yang terletak di kepulauan, penempatan yang didirikan umumnya berada di tepi laut atau muara-muara sungai yang strategik kepada ekonomi dan politik kerajaan yang didirikan. Hal tersebut adalah sebagaimana yang dijelaskan dalam SM yang membicarakan tentang pembukaan Negeri Temasik dan Melaka, HHT tentang Bentan, Melaka dan Lingga, SP tentang Negeri Perlis, HMM tentang Negeri Kedah, MM tentang Negeri Perak, HSK tentang Negeri Kelantan, HP tentang Negeri Patani, HRP tentang Negeri Pasai, HB tentang Kota Waringin dan Banjarmasin di Kalimantan Tenggara, HPG tentang Negeri Pahang, HJ tentang Negeri Johor dan HS tentang Siak.<sup>8</sup>

Sementara itu, kewujudan undang-undang Melayu yang diteliti dari UUK, U99, HKM dan HKP mengesahkan kewujudan negeri bersama dengan kota-dusun dan teluk-rantaunya. Kenyataan “Ada Rakyat Raja Tiada” telah memperlihatkan bahawa sesebuah kerajaan itu hanya wujud apabila terdapat raja dan rakyat. HKP membuat pengenalan kepada undang-undang ini dengan membicarakan “... ya’ani raja-raja itu pada mengira-ngirakan ehwal segala rakyatnya, maka jadilah mereka itu seperti kambing tiada bergembala, maka dimakanlah oleh yang keras akan yang lemah.”<sup>9</sup>

Dengan mengambil beberapa contoh, kita dapat melihat kenyataan ini. SM menyatakan bahawa pembukaan Negeri Melaka dilakukan setelah Singapura ditewaskan oleh Majapahit. “Raja Iskandar Shah pun berpindah dari tempat itu,

pergi kepada satu tempat, maka baginda pun berbuat kota di sana.”<sup>10</sup> HHT memperkatakan perkara yang sama. Ia menjelaskan “Alkisah maka tersebut perkataan orang besar-besar dan orang kaya-kaya Singapura dan Bentan itu tiada beraja.”<sup>11</sup> Hikayat ini juga menyatakan bahawa Sultan Melaka telah mengarahkan pembesarnya membuka negeri bagi merajakan salah seorang daripada putera baginda. Negeri yang telah dibuka ialah Lingga. Selesai pembinaan ini, para pembesar yang dipertanggungjawabkan menyembah “Ya Tuanku Syah Alam, sudahlah patik perbuatkan negeri itu pada Gunung Lingga ..... patut sekali diperbuat negeri. Bandar sekeliannya sudah patik perbuat.”<sup>12</sup> Kenyataan “patut sekali diperbuat negeri” itu sendiri adalah gambaran tempat itu telah berpenduduk dan hanya perlu membina bandar yang menjadi pusat pemerintahan.

HMM menggambarkan bahawa tempat-tempat yang bakal dihantarkan ke empat-empat anak raja sebagaimana wasiat adalah daerah yang sudah berpenghuni, namun kerana tidak mempunyai pemerintah, penduduknya dikatakan tidak ramai (jarang-jarang) sebagaimana yang digambarkan oleh penulisnya. “Tuanku,.... Pada fikiran patik baiklah Tuanku bicara akan paduka anakanda ini, hantarkan pada masing-masing tempatnya menurut seperti pesanan paduka ayahanda baginda Raja Merong Mahawangsa itu,.... Sungguhpun ada orangnya tetapi jarang-jarang sahaja, di dalam pada itu pun Raja tiada juga.”<sup>13</sup>

Daripada HP, nama negeri itu dikatakan diambil sempena nama seorang nelayan/pengail yang tinggal di tebing sungai dekat dengan tempat raja bercadang untuk membina negeri. Meskipun pengarangnya menggambarkan hanya Encik Tani sekeluarga sahaja berada di tempat itu, namun ia tetap dapat dikaitkan dengan konsep di atas kerana sudah menjadi lazimnya penduduk zaman itu adalah tidak ramai dan jika ada petempatan lain mereka tinggal berjauhan meskipun dekat dengan sungai yang sama. Kenyataan pengarang yang berbunyi “Maka baginda pun hilirlah pindah duduk pada negeri yang baru diperbuat itu, dan negeri itu pun dinamainya Patani Darussalam.”<sup>14</sup> Dapat membuktikan kenyataannya.

HRP memperlihatkan kepada pembaca tentang Merah Silu yang mengembara membawa diri dari satu tempat ke satu tempat sebelum beliau dijadikan seorang raja. Meskipun tidak digambarkan Merah Silu yang membuka negeri, namun daripada segi konsepnya tetap sama iaitu ada rakyat raja tiada. “Hai segala tuantuan, apa bicara kita akan Merah Silu ini? Maka pada bicara hamba baiklah kita rajakan kerana ia pun sedia raja, lagi ia hartawan, dapat kita bersiwasa kepadanya”.<sup>15</sup> Ternyata bahawa keadaan sesuatu tempat itu tidak akan maju dan berkembang tanpa ada pemimpin untuk menjadi pemerintah.

Kenyataan ini dengan jelas lagi dapat dilihat di Kalimantan Tenggara, setelah datang seorang raja dari Benua Keling (yang asalnya adalah saudagar kaya) ke kawasan itu lalu membuka negeri, maka seluruh penduduk yang dulunya berpecah-pecah dan tidak pernah bersatu padu begitu gembira. Mereka menyambut kedatangan raja itu, HB menggambarkan, “Maka rasa hati segala menteri-menteri sakai (mengikut catatan dalam HHT sakai bermakna orang bawahan/rakyat biasa) suka ia mempunyai raja itu, kerana semuanya negeri satu-satu sakai itu semua muafakat”,

tiada lagi dibunuh membunuh kerana baik perintahnya Aria Magatsa dan Tumanggung Tatah Jiwa itu".<sup>16</sup>

Apabila meneliti kepada SP, MM, HPG, HSK dan HJ, penulisnya tidak menggambarkan pembukaan negeri baru tapi hanya berpindah ibu negeri yang menjadi kediaman raja sahaja. Namun, gambaran ini tetap membawa makna yang sama di sekeliling penempatan baru itu sudah terdapat penduduk.

SP menceritakan tentang Tengku Brahim, Raja Muda Kedah zaman pemerintahan Tengku Pengeran telah berpindah ke Perlis dan tinggal di Simpang Kecut dekat Kolam Kanggar.<sup>17</sup> MM pula menceritakan tentang Raja-raja Perak yang memindahkan ibu negerinya setiap kali bertukar raja. Mula-mula pusat pemerintahan di Pulau Tiga kemudiannya berpindah ke Berahman Indera (Kuala Kangsar) dan Cempakasari yang bertukar menjadi Pulau Indera Sakti. Akhir sekali berpindah pula ke Pasir Pulau yang dikenali dengan nama Pulau Besar Indera Mulia.<sup>18</sup>

Meninjau kepada HPG dan HJ juga membawa penceritaan yang sama. Dalam HPG diceritakan pusat pemerintahan Datuk Bendahara (Seri Maharaja) adalah di Kota Lama dalam Pahang Tua, kemudian berpindah ke Lamir, manakala Engku Muda pula membuat istana di Pulau Ganchung. Maka "Orang besar-besar menghadap ke Kota Lama".<sup>19</sup> Bagi Tanjung Puteri (Johor Bharu) dalam HJ digambarkan tentang usaha-usaha Temenggung Ibrahim Seri Maharaja memajukan kawasan tersebut:

*"Maka di antara tempat-tempat yang dibuka itu adalah suatu tempat namanya Tanjung Puteri, duduknya betul di belakang Singapura di situ nampaknya lebih baik. Maka dengan rajin dan usaha YAM itu berikhtiar dan menggalakan orang masuk ke tempat itu maka dalam sedikit masa telah mulai ramai tempat itu serta berhasil adanya."*<sup>20</sup>

Tanjung Putri bukanlah sebuah kawasan yang kosong tanpa penghuni. Ia telah menjadi tempat kediaman para nelayan sejak zaman berzaman sebagaimana yang diceritakan oleh SM dan HHT.<sup>21</sup>

Tinjauan terakhir adalah karya HSK. Hikayat ini menceritakan bahawa Long Yunus berjaya menjadi raja memerintah negeri Kelantan setelah mengembara membawa diri ke Terengganu bersama-sama Long Jaafar. Mereka telah berbakti kepada Sultan Terengganu dengan menyelamatkan maruah Sultan semasa bertaruh dalam menyabung ayam. Atas jasa itu, Sultan telah membantu mereka balik ke Kelantan bersama-sama angkatan perang. Dalam cerita itu dikatakan Long Yunus telah dihantar sampai ke Jeram (dalam daerah Pasir Puteh) lalu membuat kota. Setelah kota itu siap, lalu Long Yunus menjadi raja yang memerintah negeri Kelantan ini.<sup>22</sup>

Konsep membuka negeri atau "ada rakyat raja tiada" menandakan permulaan atau pembukaan sebuah negeri. Setelah ada "raja" dan "negeri", dapat dilihat perkembangannya dari kedudukan kampung-kampung di tebing-tebing sungai

dan muara-muara sungai berkembang mengikut masa. Perkembangan ini kemudiannya mewujudkan sempadan untuk menjadi perenggan antara sesebuah kawasan dengan kawasan yang lain.

## **CIRI-CIRI SEBUAH NEGERI**

Berpandukan kepada penelitian yang dibuat, dapat dirumuskan beberapa ciri tertentu yang membentuk sebuah negeri. Perkara-perkara tersebut adalah kota dan parit, pasar dan lorong, kampung atau desa, sungai dan anak sungai, dusun, teluk dan rantau, berhuma, tanah tinggi dan bukit serta pulau-pulau.

Perkara-perkara di atas merupakan tempat-tempat yang sering dinyatakan dalam buku-buku hikayat dan undang-undang Melayu di atas. Namun, tidak ditemui kenyataan menyatakan bahawa tempat-tempat ini menjadi sempadan. Apa yang dapat ditafsirkan adalah tempat-tempat ini dapat menjadi sempadan berasaskan kedudukannya di dalam sesebuah negeri, dan juga mempunyai sempadan tersendiri yang memisahkannya dengan kawasan lain berasaskan kedudukannya.

### **Kota dan Parit**

Semua Kerajaan Melayu tradisional mempunyai kota dan parit. Di kota inilah terletak istana dan pusat pemerintahan raja. Biasanya setiap kota akan dilengkungi oleh parit sama ada parit yang wujud semulajadi atau dibina bagi kepentingan keselamatan (strategi peperangan) dan sumber air. Saiz kota yang dibina adalah bergantung kepada besar kecilnya sesebuah kerajaan itu. Meskipun yang digambarkan oleh penulisan-penulisan tradisional ini berlebih-lebihan, namun kita dapat membayangkan bahawa kota itu mempunyai keluasan tertentu. SM ada menggambarkan bahawa luasnya kota Raja Champa itu "sepenampang sehari belayar, angin tegang kuat".<sup>26</sup> Manakala MM agak ideal dan logik, bila ia menggambarkan keluasan kota yang dibina oleh Sultan Perak mempunyai sukatan tertentu. Misalnya Sultan Iskandar Zulkarnain telah membina kota yang dipagari dengan kubu sepanjang 240 kaki tiap-tiap sebelah.<sup>27</sup>

Ciri-ciri lain tentang kota ini ia mempunyai pintu gerbang<sup>28</sup> dan mempunyai tanah lapang dan padang di sekelilingnya. Pintu gerbang adalah lambang keagungan, manakala padang<sup>29</sup> adalah kawasan lapang yang biasanya mengelilingi kota tersebut bagi tujuan kegunaan keramaian dan juga untuk tujuan pertahanan dalam strategi peperangan.

Andaian tentang keadaan kota ini dengan kewujudan sempadan ialah kawasan hakiki raja adalah di dalam kota. Ia mempunyai kawasan yang tersendiri iaitu berkota (berpagar), maka hubungannya dengan kawasan lain adalah terpisah sama ada oleh parit mahupun padang yang luas.

### **Pasar dan Lorong (Pekan/Bandar)**

Ia merupakan ciri kedua sesebuah negeri. Bandar merupakan pusat perdagangan. Biasanya sebuah pelabuhan, kerana kewujudan bandar-bandar di zaman

tradisional adalah di tepi atau di kuala sungai. Ini sejajar dengan peranan laut dan sungai sebagai jalan perhubungan. Kedudukan bandar tidak jauh dari kota raja. Mudah bagi raja untuk berurusan dan senang pula untuk pedagang-pedagang datang menetap. Peri pentingnya bandar kepada sesebuah kerajaan, UUK telah menggariskan peraturan-peraturan tertentu bagi kapal masuk ke pelabuhan.<sup>30</sup>

Saiz sesebuah bandar bergantung kepada besar atau kecil sesebuah kerajaan itu. Misalnya HB menggambarkan Bandar Dipa Negara (Banjarmasin hari ini) dikunjungi oleh pedagang dari pelbagai ceruk rantau Asia. Antaranya pedagang-pedagang Cina, orang Johor, orang Aceh, orang Melaka, orang Minangkabau, orang Patani, orang Makasar, orang Bugis, orang Sumbawa, orang Bali, orang Jawa, orang Bentan, orang Palembang, orang Jambi, orang Tuban, orang Madura, orang Walonda (Belanda), orang Makkau dan orang Keling. Sebilangan daripada pedagang-pedagang tersebut telah menetap di bandar tersebut.<sup>31</sup>

Gambaran di atas jelas menunjukkan tentang keluasan sesebuah bandar itu apabila mengambilkira ciri-ciri sesebuah pusat perdagangan. Bandar perlu ada tempat berniaga, tempat menyimpan barang dan juga tempat tinggal pedagang-pedagang. Lebih-lebih lagi pada zaman tersebut di mana pedagang keluar-masuk negara untuk berdagang mengikut musim angin. Tempat-tempat ini sudah pasti mempunyai perenggan-perenggan atau had-had tertentu yang menjadi sempadan atau pemisah di dalam kawasan bandar seperti pelabuhan/pengkalan, pasar, rumah kedai, gudang dan lorong dengan tempat-tempat lain seperti kota dan kampung di sekitarnya.

Apabila meneliti kepada SM dan HHT, keadaan pasar dan lorong sering dinyatakan semasa peristiwa orang mengamuk sama ada terjadi sendiri atau dirancang. Gambaran yang dinyatakan semasa berlakunya peristiwa itu bermula daripada mengamuk di pasar hingga sekeliling bandar dan kota serta kadang-kadang sampai ke kampung dapat membuktikan kenyataan di atas bahawa konsep sempadan sebagai pemisah kawasan atau tempat telah wujud di dalam bandar itu sendiri.

### **Kampung dan Desa**

Kedua-dua nama di atas sering digunakan oleh penulis-penulis tradisional untuk menggambarkan tempat yang sama. Namun ditinjau secara mendalam 'kampung' lebih sesuai digunakan bagi merujuk tempat yang berhampiran dengan bandar dan kota, manakala 'desa' merujuk tempat di pedalaman. Namun begitu, 'kampung' boleh digunakan untuk kedua-dua tempat tersebut tetapi 'desa' tidak sesuai digunakan untuk menunjukkan tempat yang hampir dengan kota atau bandar.

Dalam penulisan ini, kampung yang sering digambarkan adalah kampung-kampung yang menjadi tempat kediaman pembesar-pembesar Melayu. Kedudukannya adalah di luar dari kota dan berdekatan atau bersebelahan dengan bandar. Ia sering dikenali dengan kampung pemimpin di tempat itu seperti Kampung Datuk Bendahara, Kampung Temenggong, Kampung Laksamana dan sebagainya. HHT menjelaskan "Maka orang Bentan dan Singapura pun berjalanlah beriring-iring tiada berputusan, membawa persembahan daripada Syahbandar lalu ke Balai Rung".<sup>32</sup> Keadaan ini menggambarkan Kampung Syahbandar itu terletak dekat

pelabuhan/pengkalan di tepi sungai (sesuai dengan jawatannya). Apabila mereka berarak, sudah tentulah melalui jalan-jalan dalam bandar dan akhirnya ke kota raja yang digambarkan melalui Balai Rung sebagai tempat mengadap dan memberi persembahan. Dengan ini sudah jelas kewujudan bentuk tempat yang akan memisahkan antara kampung, bandar (pekan dan lorong) dan akhirnya kota.

Selain kampung-kampung yang dinyatakan di atas, perkampungan Melayu dengan pemimpin mereka, terdapat kampung-kampung kaum mendatang yang berhijrah atau bersuaka. Menurut HHT, di Melaka ada kampung orang Jawa, "Maka ia pun singgah di luar kota pada kampung segala Jawa"<sup>33</sup> dan "Laksamana lihatlah tempatnya, yang mana patut Laksamana suruhlah berbuat kampung."<sup>34</sup> Manakala HP juga menjelaskan tentang perkampungan orang asing, seperti "Maka orang yang memalu canang itu pun berjalan-jalan lalu di luar kampung orang Pasai yang duduk di biara Kampung Pasai itu."<sup>35</sup>

Kedudukan kampung-kampung ini terletak berhampiran dan di sekeliling bandar. Jarak kampung dengan bandar mengikut tinggi atau rendah taraf pembesar itu. Misalnya Kampung Bendahara paling dekat dengan bandar dan kota raja kerana jawatan lebih tinggi berbanding pembesar-pembesar lain dan jarak yang dekat juga untuk memudahkan komunikasi. Bagi kampung-kampung orang mendatang pula, lazimnya terletak di luar kampung-kampung pembesar itu. Umpamanya Patih Karma Wijaya yang merajuk dari Negeri Lasem (Jawa) ke Melaka telah dianugerahkan oleh Raja Melaka sebuah kampung berhampiran<sup>36</sup> dengan Kampung Datuk Bendahara.

Kedudukan desa pula adalah di luar kampung yang dekat dengan bandar. Dalam konteks masyarakat Melayu semasa, desa ini terletak di hulu dan pedalaman sungai yang menjadi jalan perhubungan. HB menjelaskan "Hatta-banyak tiada tersebut-jadi segala sikap orang desa segala siap, serta desa itu datang, yang hampir-hampir itu, dengan senjatanya itu. Sudah itu Pengiran Tumanggung hilir lawan bala tenteranya itu serta senjatanya, dengan gamelannya serta perhiasannya. Sudah itu datang ke Muara-Bahan maka dilihat oleh orang balanglang itu perahu hilir seperti ayam beranakan."<sup>37</sup>

Saiz dan taraf pemimpin desa adalah bergantung kepada jumlah penduduk setempat. Desa-desa ini selalunya menjadi "pegangan" kepada pembesar-pembesar yang mendapat anugerah dari raja.

Dalam membuat andaian terhadap kewujudan sempadan bagi kampung atau desa, dapat dilihat melalui pemisahan antara satu kampung dengan kampung yang lain dan desa dengan desa yang lain serta menunjukkan taraf pemerintah di kampung atau desa tersebut. Satu perkara yang jelas, rumah terakhir yang ada di dalam sesebuah kampung itu sebelum sampai ke kampung atau desa yang lain adalah had atau perenggan yang menjadi sempadan sesuatu tempat itu. Ataupun jika terdapat anak bukit selepas anak-anak sungai di hulu kampung sering dijadikan sempadan kampung.

Ini berdasarkan kepada penempatan tradisional di persekitaran lembah sungai dan anak-anaknya. Keadaan ini dapat dilihat pada hari ini bahawa pemisah antara

kampung dengan kampung lain di sepanjang Sungai Perak adalah anak-anak bukit kecil. Tidak kira sama ada perkampungan itu masih kekal atau telah ditinggalkan oleh sebab perubahan “pembangunan” jalan perhubungan. Bagi melihat sempadan antara sebuah rumah dengan rumah lain di dalam kampung atau desa adalah halaman rumah tersebut. Kedudukan ini menjadi lebih jelas apabila laman tersebut dipagari. Pagar tersebut menjadi pemisah antara rumah A dengan rumah B. Undang-undang Melayu memperakui hak kawasan berpagar jika dicerobohi, penceroboh yang terbunuh akan mati percuma.<sup>38</sup>

Satu lagi pembahagi yang memisahkan antara satu sama lain di kampung ialah antara perumahan dengan kawasan bercucuk tanam. Kebiasaannya pada zaman tradisional kawasan tanaman buah-buahan dan tanaman kontan adalah di sekeliling rumah, manakala kawasan tanaman padi di bendang/sawah atau di kawasan padi huma. Kawasan pertanian kebiasaannya terletak berhampiran anak-anak sungai di hulu atau di belakang kampung. Dalam mengerjakan sawah, sudah terdapat batas-batas untuk menakong air dan dalam masa yang sama untuk membahagi kawasan. Undang-undang Melayu pula menghendaki kawasan tanaman berpagar agar tidak diganggu oleh binatang. Meski pun pada asasnya batas dan pagar bukan bertujuan untuk memisah-misahkan, namun pengertian sempadan itu sudah wujud.

### **Sungai dan Anak Sungai**

Sungai merupakan jalan perhubungan sejak zaman dahulu hingga ke hari ini. Kebanyakan bandar-bandar utama didirikan di tebing-tebing sungai atau pun dekat dengan kuala. Sungai yang menjadi nadi penggerak sistem pemerintahan tradisional dapat dijelaskan lagi dengan kenyataan:

*“Daerah ini mempunyai tanah subur yang luas dan kaya dengan berbagai jenis logam (berlian, emas, besi dan arang batu). Tepat ke Barat negeri Banjar, terdapat satu sistem taliair yang boleh dilayari hingga jauh ke pedalaman. Sistem taliair ini menyediakan jalan keluar yang mudah untuk hasil-hasil tradisional hutan Kalimantan seperti kayu, rotan, damar, lilin, kayu putih dan sekali lagi, emas. Jelas bahawa seorang raja yang mengawal negeri ini dengan mudah dapat mengembangkan kuasa ketenteraan yang diperlukan untuk memberi kepimpinan kepada semua petempatan di pantai Kalimantan Barat, Selatan dan Timur”.<sup>39</sup>*

Selain dari menjadi nadi penggerak, sungai juga menjadi sempadan tempat atau kawasan. Melalui pengkajian ini, tidak ada pernyataan yang jelas menyatakan sungai itu adalah sempadan. Namun melalui perkataan seperti seberang dan sebelah sungai; pucuk, tengah dan kuala sungai dan kuala negeri dapat diandaikan bahawa sungai atau tempat tertentu pada sungai itu merupakan sempadan. Misalnya MM menggambarkan bahawa sempadan hulu bagi negeri Perak ialah hulu Sungai Perak



itu sendiri. Ini ternyata apabila pengarangnya menyatakan “Setelah sudah orang berkerah kepada takluk dan rantau jajahannya negeri Perak ini, maka antara beberapa hari selangnya, berhimpunlah segala hulubalang dan rakyat dari pucuk negeri lalu ke kuala negeri dan segala anak sungainya.”<sup>40</sup> Bagi negeri Kelantan pula negeri itu pernah terbahagi kepada dua zaman pemerintahan Raja Long Muhamad yang berebut takhta dengan iparnya anak Raja Terengganu. Mereka berperang di tengah-tengah negeri, HSK menggambarkan “Maka sampai hari yang baik lalu raja dan sekalian orang Cina pun hilirlah sebelah matahari jatuh sungai besar dan orang Melayu dan hilir sebelah matahari naik sungai besar. Maka hilirlah semuanya, sampai ke tengah negeri lalu peranglah terlalu besarnya orang Melayu dengan orang Terengganu orang Cina berlawan dengan orang Patani.”<sup>41</sup>

Demikian juga dengan perkataan seberang dan sebelah sungai dapat dibuktikan sebagai sempadan melalui pernyataan “Maka si Saban itu lari ke seberang bernaungan kepada Pengeran Temenggung” yang dapat ditemui dalam HB.<sup>42</sup> Manakala dalam HHT digambarkan sebelum Megat Panji Alam anak Raja Terengganu hendak masuk Indrapura, beliau telah berhenti di seberang bagi mendapat keizinan, “Maka Megat Panji Alam pun berhenti di seberang Indrapura itu.”<sup>43</sup> Bagi HRP pula secara jelas menyebut sungai menjadi sempadan, “Maka duduklah ia di sana, seorang sebelah sungai dalam negeri itu kedua bersaudara.”<sup>44</sup> Istilah di atas dapat digunakan sebagai sempadan bagi kawasan kampung seperti terdapat di sepanjang Sungai Perak yang wujud nama-nama tambahan “kiri dan kanan” mengikut arah mudik. Misalnya Layang-Layang Kanan dan Kiri, Bota Kanan dan Kiri, Labor, Chopin dan Kota Lama Kanan dan Kiri. Ia merupakan sempadan-sempadan kawasan kecil di dalam negeri (peringkat kampung) dan bukannya antara negeri dengan negeri.

Dalam konteks pengertian sebelah atau seberang pula wujud di sungai besar (ibu sungai) pada setakat tepi tebing sungai sahaja. Ia tidak memperlihatkan adanya ketetapan yang menyatakan di tengah-tengah sungai atau pada arus yang paling dalam (thalweq) sebagai sempadan. Kedua pihak di sebelah menyebelah sungai masih boleh menggunakan laluan ini. Jika mereka dalam keadaan bermusuhan sekali pun, hanya akan dianggap menceroboh setelah masuk ke kawasan tebing seberang sana, bukannya dalam sungai. Dalam keadaan pembahagian kawasan kepada hulu dan hilir, ternyata keseluruhan sungai itu menjadi hak milik. Ini biasanya menjadi pembahagi kepada kawasan pembesar atau anak raja atau pun semasa berkrisis. MM menggambarkan Pacat sebagai sempadan hulu dan hilir Perak semasa krisis ketakhtaan antara Sultan Muzaffar dengan adiknya Raja Bisnu yang bergelar Sultan Muhammad Shah. Demikian juga Raja Muda Abdullah tidak berupaya menghadiri diri untuk upacara mengangkat sumpah menjadi sultan dan pemakaman Sultan Ali kerana takut untuk melintasi kawasan Raja Yusof di Senggang.

Bagi lembah dan anak sungai pula, penilaian dibuat melalui pernyataan yang terdapat dalam SM yang berbunyi “Setelah datang ke Batu Pahat maka bertemu dengan Laksamana di Sungai Raya, kerana adat Laksamana pengangannya Sungai Raya.”<sup>45</sup> Meskipun pernyataan ini lebih mirip kepada hak, namun kenyataannya

kawasan Sungai Raya adalah milik Laksamana meskipun tidak dinyatakan keluasan kawasan pegangan itu. Jika dilihat pada undang-undang ini “Ada pun jikalau lari kepada anak sungai, jauhnya daripada negeri kira-kira dua hari atau sehari pelayaran...”<sup>46</sup> dan “Jika lepas sudah dijalaninya suatu anak sungai didapati oleh orang, kena tebus sepaha emas; jika sampai dua anak sungai keluar daripada mukim itu, kena tebus tengah tiga paha emas,....”<sup>47</sup>, ternyata terdapat pernyataan sempadan dari istilah “keluar mukim” yang menjadi kawasan pegangan. Jika berasaskan kepada kedudukan di Perak, memang terdapat banyak anak-anak sungai di sepanjang sungainya. Tidak hairanlah jika mengikut sumber tradisi lisan bahawa nama “Kangsar” bagi Kuala Kangsar itu wujud dari perkataan ‘kurang sa’. Ia membawa makna kurang satu ratus atau pun sembilan puluh sembilan. Ini membawa pengertian bahawa terdapat sejumlah tersebut anak-anak sungai dari kuala sampai ke hulu di sebelah menyebelah sungai. Perkataan ini apabila disebut dengan pantas mengikut loghat tempatan akan membawa bunyi “kughang so”, yang akhirnya jadi “kong so”. Apabila perkataan tersebut dibakukan menjadi “kangsar” dan wujudlah Kuala Kangsar.

Kawasan tebing dan muara sungai menjadi tempat tinggal serta tempat pekerjaan penduduk tempatan dan rajanya. Dengan demikian, pembahagian kawasan-kawasan juga biasanya berasaskan kepada faktor penduduk dan sektor hasil yang terdapat di sekitarnya.

## **Dusun**

Pada masa kini dusun dirujuk sebagai kebun buah-buahan. Dalam masyarakat Melayu tradisional, dusun bermaksud perkampungan yang terletak di hulu negeri atau hulu sungai. Dusun ini dapat dianggap sebagai sempadan kerana petempatan ini merupakan kawasan tempat tinggal yang paling hulu. Jika berlandaskan kepada pucuk sungai maka kedudukan dusun adalah di persekitaran pucuk sungai tersebut. Jadi secara tidak langsung kawasan ini adalah merupakan had atau perenggan yang hulu sekali, selepas itu ia telah memasuki pedalaman jika berada pada anak-anak sungai yang utama seperti Pahang, Perak dan Johor. Bagi Patani, Kelantan dan Kedah, hulunya memang sudah berada di pedalaman.

SM dan HHT kedua-duanya menggambarkan dusun itu terletak di hulu Melaka, jauhnya dari Kota Melaka ialah tujuh hari tujuh malam perjalanan berperahu. Ini menggambarkan bahawa itulah kawasan yang paling hulu bagi negeri Melaka walau pun dusun yang diceritakan adalah milik Bendahara (mungkin pegangannya). Bagi kampung-kampung tua di tepi Sungai Perak, terutamanya dalam daerah Kuala Kangsar, wujud istilah “kepala dusun”. Ia menggambarkan kawasan kampung di sebelah hulu. Ini kerana hampir keseluruhan kampung tradisional ditanam dengan pokok buah-buahan di sekeliling tempat kediaman. Bagi kawasan hilir kampung tidak pula dipanggil “ekor kampung”, tetap juga hilir kampung. HP ada menyebut dusun, “Syahdan agama Islam pun makin mashyurlah daripada segala dusun hingga datang kepada negeri Kota Mahligai itu selamalah mengikut syariat Nabi Muhammad S.A.W.”<sup>48</sup> Inilah gambaran bahawa dusun itu terletak di kawasan paling hulu atau di pedalaman yang berpenghuni/berpenduduk sebagai tempat tinggal.

Bagi penilaian sempadan dalam negeri, dusun boleh menjadi sempadan antara kampung dengan kampung di sepanjang sungai, atau antara mukim dan antara daerah atau wilayah. Jika berdasarkan pada SM, perkataan “dusun Bendahara” itu boleh menjadi sempadan antara Melaka dengan Indrapura. Begitu juga HP, boleh menjadi sempadan antara Patani dengan Kelantan, Perak atau Kedah, mengikut keadaan cabang-cabang anak sungai Patani.

### **Teluk dan Rantau**

Dalam bahasa yang mudah, “teluk” ini terletak di tepi laut manakala “rantau” pula di dalam negeri (tengah negeri). Kenyataan teluk agak jelas menjadi sempadan kerana kedudukannya. Sekurang-kurangnya ia menjadi sempadan tanah daratan dengan laut dalam satu kawasan yang sama. Lagi pun keadaan geografi teluk itu sendiri (adanya anak bukit yang menyongsong pantai menjadi tanjung) membentuknya menjadi sempadan antara satu kawasan dengan kawasan lain di bahagian pantai/tepi laut. Bagi rantau pula ia dapat dilihat dari segi kedudukannya yang terletak di pedalaman. Masyarakat Melayu yang asalnya tertumpu di tepi dan kuala sungai terpaksa berhijrah ke pedalaman (kawasan yang jauh dari pusat pemerintahan) kerana faktor pertambahan penduduk, ekonomi dalam pertanian dan penternakan mahupun kerana masalah sosial melarikan diri (membawa diri atau mengembara) oleh pelbagai sebab. Perbuatan “merantau” ke tempat baru ini menjadikan rantau sebagai satu petempatan. Oleh yang demikian rantau adalah penempatan terbaru dan terakhir dalam kawasan yang lebih jauh ke pedalaman (walaupun dalam pengertian yang longgar). Satu contoh yang dapat diambil ialah kedudukan rantau di Negeri Sembilan itu adalah di kawasan hulu dan pedalaman bagi Sungai Lukut dan Sungai Linggi.<sup>49</sup>

Melalui penulisan-penulisan yang diteliti, teluk rantau adalah tempat untuk mendapat sumber tenaga bagi “kerja raja” sama ada untuk majlis-majlis perayaan mahupun untuk berperang. Dalam SM, teluk rantau yang terkenal ialah Kelang, Merba (Morib), Jeram dekat Langat dan Batu Pahat. Ini kerana Klang pada masa dahulu adalah ditadbirkan oleh Tun Perak, Merba pegangan Tun Biajid anak Laksamana Hang Tuah, Jeram di Rajai oleh Paduka Seri Cina putera Sultan Mansor Shah dengan Puteri Hang Li Po, manakala Batu Pahat adalah di bawah pentadbiran Laksamana. Apakah Klang itu merupakan teluk paling utara bagi Melaka semasa itu dapat diyakini kerana semasa itu kerajaan Melayu Selangor belum muncul lagi. Peri pentingnya rantau kepada masyarakat yang berhijrah dapat dilihat dari nasihat Bendahara Paduka Raja ini, “Puah-puah, jangan engkau diam di negeri, diamlah engkau ke rantau supaya sampah sarap sekelian menjadi emas.”<sup>50</sup> Bagi MM, rantau selalu dikaitkan dengan hulu, ini sejajar dengan keadaan negeri Perak itu yang sungai memanjang dari hulu ke hilir dan tidak lari dari darat ke baruh (barat ke timur). Jadi oleh kerana pusat pemerintahan Raja Perak terletak di sebelah hilir, maka kawasan di sebelah hulu sering dikenali sebagai rantau hulu. Umpamanya:

*“Ada pun adatnya yang berbuat istana raja itu Orang Kaya Besar dan Penghulu Bendahari. Maka Orang Kaya Besar*

*pun menyuruhnya Sri Adika Raja menetak ramuan itu, kerana ia memegang rakyat hulu. Kemudian dari itu pada segenap teluk rantau dari anak sungai semuanya habis mengerjakan ramuan mahligai itu.”<sup>51</sup>*

Kedudukan rantau itu sememangnya jauh dari pusat. Sebelum berwasiat kepada anak cucunya, Bendahara Paduka Raja telah mengumpulkan mereka (berkampung) dari tempat tinggal mereka “yang sehari perjalanan”. Ada dua sebab mereka ditinggal di rantau. Pertama, untuk menjaga kawasan pegangan Bendahara yang banyak di Melaka. Kedua, mereka sebagaimana kehendak Bendahara, walau pun sebelum berwasiat, sudah pasti Bendahara mahu anak cucunya menjadi orang berguna dan ternama di sesuatu kawasan. Tidak hanya bergayutan ditengkok sultan atau pada beliau sendiri. Jadi kawasan yang berkedudukan jauh di rantau boleh menjadi sempadan wilayah/negeri Melaka.

### **Huma dan Tanah Tinggi (Bukit/Gunung)**

Pernyataan ini perlu dibincangkan sekaligus. Pada hakikatnya orang berhuma adalah di bukit atau di tanah tinggi. Jarang terdapat orang berhuma di tanah pamah kerana sifat padi huma itu adalah padi bukit.<sup>52</sup> Buku SM menggambarkan permulaan cerita yang berpijak di bumi nyata ialah di Bukit Seguntang bilamana dua bersaudara Wan Empo dan Wan Malini berhuma di bukit itu. Bukit itu terletak di hulu Sungai Melayu dalam Negeri Palembang. Manakala dalam HP pula dinyatakan bahawa penduduk di hulu Pahang dua tahun kelaparan kerana padi huma mereka tidak menjadi akibat ancaman tikus dan kemarau. Kedua-dua gambaran ini menjelaskan kepada kita bahawa orang berhuma adalah di bukit-bukit. Manakala kedudukannya terletak di kawasan hulu dan pedalaman iaitu yang menjadi punca anak sungai. Pengandaian tempat ini sebagai kawasan sempadan dalam pengertian yang luas seperti gambaran SM dan HP adalah dengan mengambil kira kedudukannya di hulu atau pedalaman. Satu lagi faktor ialah sifat penduduk yang berhuma itu mesti mendapat air dari anak-anak sungai yang mengalir di kawasan huma mereka dan mereka juga tidak pernah membuat huma di puncak-puncak bukit tetapi di lereng-lereng bukit.

Dalam perkiraan persempadanan yang lebih kecil, kawasan padi huma biasanya adalah di penghujung bagi sesebuah kampung atau desa yang diteroka. Kedua-dua (kawasan luas dan kecil) penerokaan itu semacam sudah ada satu pemahaman bahawa mereka tidak akan melepasi permatang atau di sebalik bukit walaupun hanya untuk meluaskan kawasan tanaman. Memadai dengan kawasan lereng-lereng bukit yang di hadapan mereka sahaja. Kefahaman ini juga boleh dikaitkan dengan istilah “kabur”, ada sempadan tapi kurang jelas pada penglihatan.

### **Pulau-Pulau**

Penentuan pulau sebagai sempadan dapat dilihat dalam perbincangan tajuk-tajuk seterusnya yang mengaitkan kedudukan dan peranan pulau itu sendiri. Kekecualian penghuraian di sini kerana gambaran ke atas pulau-pulau dan penelitian

penulisan-penulisan lebih kepada fungsi lain. Hanya dengan mengaitkan fungsi tersebut, baru dapat diandaikan bahawa pulau juga boleh menjadi sempadan apabila ada kesesuaian pada kedudukannya.

## KONSEP PEGANGAN/ORANG

Konsep ini berkait rapat dengan konsep anak sungai, teluk rantau dan pulau-pulau. Ia merupakan kawasan atau tempat di luar dari bandar dan kampung yang dihadaiah atau dianugerah raja kepada pembesar-pembesar untuk dijadikan pegangan dan kawasan mendapatkan hasil. Anugerah juga diberi kepada pembesar yang membuat jasa khas kepada raja. Melalui kawasan yang menjadi pegangan, pembesar-pembesar mendapat hasil cukai dan tenaga manusia sama ada untuk dirinya mahupun kepada keperluan negeri atau raja.

Dari penelitian yang dilakukan, SM dan HHT begitu jelas menggambarkan perihal "pegangan dan orang" untuk kegunaan raja. Bagi pembesar yang memerintah kawasan pegangan ini, mereka itu mengikut kedudukan jawatan. Ada yang tinggal di kawasan yang menjadi pegangannya dan ada yang tinggal memerintah dari pusat pemerintahan. Misalnya Tun Telanai anak kepada Bendahara Paduka Raja memegang kawasan Suir, beliau tinggal di sana bersama-sama dengan orang Suir. Manakala Bendahara pula memegang kawasan Bentan, tetapi kerana jawatannya perlu berada di sisi setiap masa, maka kawasan itu diperintah oleh seorang penghulu sebagai wakil kepada Datuk Bendahara. Bagi sesetengah pembesar pula kawasan yang menjadi pegangan mereka ini lebih daripada setempat. Datuk Bendahara misalnya memegang juga kawasan Sening Hujung. "Adapun Sening Hujung itu dahulu kala berbahagi dua dengan Bendahara. Ada penghulunya di sana, Tun Tuakal namanya."<sup>53</sup> Peri pentingnya "pegangan dan orang" kepada pembesar dapat dilihat:

*"Maka Bendahara pun mengarahkan orang berbuat istana dan balai rong. Maka orang Unggaran berbuat istana besar, dan orang Tungkal membuat istana kecil, dan orang Buru berbuat sebuah istana, orang Suir berbuat sebuah istana orang Pancur Serapong membuat balai rong, orang Buru membuat balai pendapa, orang Merba membuat penanggahan, orang Sawang membuat balai Jawa di sisi balai rong itu, orang Kundor membuat balai apit pintu keduanya, orang Suntai berbuat balai Kendi, orang Malai berbuat permandian, orang Upang berbuat bangsal, orang Tungkal berbuat masjid, orang Bentan berbuat pagar istana, orang Muar membuat kota Awang."<sup>54</sup>*

Dari segi andaian kawasan ini sebagai sempadan atau menjadi sempadan adalah berdasarkan kedudukannya di dalam negeri itu. Jika pegangan ini merupakan tempat yang paling hulu, hujung atau terakhir sekali di dalam negeri itu, maka tempat

ini akan menjadi sempadan bagi negeri itu. Dalam konteks sempadan dalam negeri, kawasan-kawasan pegangan ini mempunyai sempadan-empadan tersendiri untuk memudahkan ia ditadbir oleh setiap pembesar. Ini untuk ketentuan hasil dan pelaksanaan kuasa.

## **KONSEP ANUGERAH ATAU KURNIA**

Ia adalah konsep "hadiah" dari raja kepada pembesar mahupun rakyat biasa yang berjasa. Dalam konteks ini, hanya hadiah berbentuk kawasan sahaja yang menjadi perhatian. Hasil dari hadiah ini menjadi pegangan. Tempat pegangan itu sama ada dalam bentuk anak sungai, teluk rantau mahupun pulau. Kadangkala anugerah itu terlalu besar untuk diterima. Misalnya "Barang siapa membawa Tun Teja itu ke mari, apa yang dikehendaknya kita anugerahi akan dia, umpamanya jikalau ia hendak sekerat kerajaan kita sekalipun kita anugerahi dia, dan jikalau dosanya patut dibunuh tiada kita bunuh akan dia."<sup>55</sup> Demikian juga HP memaklumkan bahawa Encik Engku Ahmad terpaksa memerangi kekandanya Bendahara Seri Maharaja berikutan kawasan miliknya di Sungai Bendahara Seri Maharaja dengan kawasan miliknya di Sungai Kuantan dan Sungai Endau telah diambil kembali oleh kekandanya. Tindakan ini telah menimbulkan dua kali huru-hara di Pahang. Bila melihat keadaan ini, istilah "sekerat kerajaan kita", itu telah menggambarkan kedudukan bersempadan walaupun dalam bentuk simbolik.

Jika menilai kepada kawasan Kuantan dan Endau, jelas kedua kawasan ini merupakan wilayah yang paling utara dan paling selatan bagi Pahang di tepi pantai. Hanya tidak pasti tentang ketetapan tempat. Jika di selatan, Kuala Sedeli ada dinyatakan sebagai sempadan Melaka-Inderapura yang kemudiannya menjadi Johor Lama-Pahang. Bagi Kuantan (Utara), suatu ketika Kemaman juga berada dalam wilayah Pahang kerana dibuka oleh orang dari Kuala Pahang.

## **KONSEP WILAYAH/DAERAH**

Konsep ini wujud apabila sesebuah negeri itu berkembang. Wilayah terhasil apabila perkembangannya secara baik tanpa berlaku peperangan atau kekerasan. Ia terjadi melalui pengiktirafan seseorang pembesar kepada satu pemerintahan (raja) yang baru berkembang. Atau pun apabila berlaku perpindahan Kota Raja dari satu tempat ke satu tempat yang baru, maka dengan sendirinya kawasan persekitaran Kota Raja yang ditinggalkan itu menjadi wilayah atau daerah. Manakala kawasan yang baru dibuka itu akan menjadi wilayah atau daerah baru.

Perkembangan wilayah ini menjadi satu daripada ciri-ciri kerajaan Melayu. Perkembangan atau pemindahan kota adalah perlu bagi menjamin dan melicinkan arah aliran keluar masuk perdagangan dari pedalaman atau kawasan pesisir pantai kepada pelabuhan yang menjadi pusat perdagangan dan pentadbiran. Maka perkembangan wilayah atau perpindahan kota menjadi wajar bagi memperlihatkan perluasan kuasa. Sama seperti konsep anugerah, mana-mana kawasan yang terletak

di penghujung negeri, daerah itu adalah menjadi kawasan sempadan negeri dengan jirannya. Misalnya HK menjelaskan, "sehingga beberapa lamanya berjalan itu, masuklah ia ke jajahan"<sup>56</sup> negeri Kelantan berjalan lagi sambil bertanya orang di mana Kampung Raja Kelantan.<sup>57</sup>

Kenyataan di atas adalah hasil dari pengembaraan Long Jaafar dari negeri Reman. Sememangnya dari segi sejarah dan geografi, Reman dan Kelantan adalah bersempadan. Jadi untuk sampai ke pusat pemerintahan Kelantan, ia perlu melalui jajahan-jajahan Kelantan terlebih dahulu. Jika melihat kepada struktur pemerintahan Kerajaan Melayu itu sendiri sudah dapat menggambarkan kedudukan wilayah dan daerah. Raja memerintah dan berkuasa di pusat manakala pembesar-pembesar (orang tengah) ramai yang tinggal dan berkuasa di daerah pegangannya sebagai wakil raja. Pada keseluruhannya, kuasa dalam kerajaan dan wilayah-wilayahnya, raja mempunyai kuasa mutlak. Dari segi eksekutif dan perundangan, keadaan pembahagian kawasan dipastikan ada perenggangannya yang tidak dinyatakan secara jelas melalui penulisan.

## **JAJAHAN TAKLUK**

Ia sama seperti daerah atau wilayah, cuma perbezaannya ia diperolehi dengan cara berperang. Mana-mana kawasan yang kalah dalam peperangan adalah menjadi takluk negeri yang menang. Selain dari membayar cukai sebagaimana daerah-daerah lain, ia perlu menghantar ufti sebagai tanda pengakuan ke atas pertuanan. HRP begitu jelas sekali menghuraikan kenyataan di atas dengan menyebutkan:

*"Setelah sampai kepada sekalian pulau dan tokong itu, maka sekaliannya habislah takhluk dan memberi ufti: Tambelan dan Siantan dan Jemaja dan Bunguran dan Srasan dan Subi dan Pulau Laut dan Tioman dan Pulau Tinggi dan Pemanggilan, kemudian seperti Karimata dan Belitung dan Bangka dan Lingga dan Riau dan Bintan dan Bulang sekaliannya itu takhluk ke Majapahit."*<sup>58</sup>

Berdasarkan petikan di atas, dilihat di sini bahawa sempadan jajahan Majapahit di sebelah Tanah Melayu sehingga ke Pulau Timan dan Pulau Tinggi. Kenyataan ini juga diperakui oleh sejarah bahawa Majapahit pernah sampai ke Inderapura (Pahang).

## **KONSEP MEMBAHAGIKAN KAWASAN**

Konsep ini dapat dilihat melalui kegiatan kegamaan, bertaruh semasa mengadakan pertandingan dan juga kerana berlakunya krisis sesama sendiri dalam keluarga diraja. Dari segi kegiatan keagamaan, penentuan sempadan adalah jelas

sekali antara kedua penganut yang berbeza. Dalam konteks Negeri Melayu ialah antara penganut Islam dan bukan Islam. Walaupun ia bukan merupakan sempadan pemisah negeri, namun sempadan yang jelas ialah dari segi tempat tinggal dan kepercayaan bahawa mereka ini tidak dapat bercampur.

HRP dan HP jelas menggambarkan bahawa negeri itu berpecah dari segi perhubungan sesama rakyat (masyarakat) apabila adanya dua agama. Menurut HRP, "Ada satu kaum orang dalam negeri itu tiada ia mau agama Islam. Maka ia lari ke hulu Sungai Pasangan, maka kerana itulah dinamai orang dalam negeri itu Gayo hingga datang sekarang ini."<sup>59</sup>

Bagi pembahagian kerana bertaruh pula, HHT menceritakan bahawa Sultan Terengganu sanggup bertaruh sekerat<sup>60</sup> negerinya semasa lawan berlaga ayam dengan Raja Chulan dari negeri Sailan, Manakala pembahagian kawasan kerana krisis keluarga diraja, MM dengan terang menetapkan kawasan Pacat<sup>61</sup> adalah menjadi sempadan antara dua saudara yang bergaduh di Perak.

Dengan ini penetapan sempadan itu jelas diperlihatkan oleh pihak yang tidak mahu menerima Islam berpindah ke hulu, jika kalah bertanding sekerat negeri akan tergadai, manakala krisis kekeluargaan, negeri terpaksa dibahagi-bahagikan. Namun tempat yang sebenarnya menjadi sempadan tidak dinyatakan dengan tepat dari segi perenggan atau hadnya. Dengan mengambil contoh "Pacat" yang menjadi sempadan antara kawasan hulu dan hilir Perak tidak pula dinyatakan ia berada di sebelah hulu atau hilir Perak. Penulisan yang ada hanya memperlihatkan, "Setelah itu, maka segala rakyat yang sekerat rantau hulu, sehingga Pacat ke hulu, kepada Sultan Muzaffar Shah kerajaan sekeliannya itu. Maka sehingga Pacat ke hilir kepada Sultan Mahmud Shah kerajaannya sekalian itu." Ini memperlihatkan kepada kita Pacat itu berada di sebelah hulu dan hilir. Tetapi apa yang pasti jika berasaskan pada ciri-ciri sebuah negeri yang telah dibincangkan sebelum ini, ternyata Sugai Pacat yang ada di Kampung Pacat hari ini dijadikan sempadan. Bagi tebing di sebelah hulu masuk ke rantau hulu dan sebaliknya. Ini kerana sungai itu sebuah dari anak-anak sungai yang telah dikira dari hilir Perak hingga ke Kuala Kangsar yang menyebabkan Kuala Kangsar dapat namanya.<sup>62</sup> Ada kemungkinan juga sempadannya adalah sebuah bukit di seberang sungai betul-betul bertentangan dengan Kampung Pacat itu (di sebelah kanan arah mudik kerana Pacat berkedudukan di sebelah kiri). Bukit itu dikenali sebagai Changkat Bukit Halban.<sup>63</sup>

## **PENENTUAN TEMPAT BERPERANG**

Hasil penelitian dari penulisan-penulisan tradisional, "perang" merupakan satu dari kritiria dalam cerita atau peristiwa. Menyingkap dari kejadian dan peristiwa ini terdapat dua tempat yang sering dijadikan tempat berperang.<sup>64</sup> Apabila ditinjau daripada konsep peperangan hari ini, tidak banyak perbezaannya dari segi memilih lokasi untuk mencapai kejayaan dalam peperangan. Dua tempat yang dimaksudkan itu ialah tempat bertahan dari serangan (*defence*) dan tempat melancarkan serangan (*attack*). Penumpuan pada penelitian ini hanya kepada tempat pertama iaitu bertahan



daripada serangan. Bagi tempat itu, dua jenis tempat yang dikenal pasti iaitu di padang dan di pulau. Kedua-dua tempat ini kebiasaannya terletak di hujung negeri atau di luar dari kawasan pusat pemerintahan.

Melalui tinjauan ke atas SM, ia menggambarkan perang Melaka-Siam, pertama, peperangan itu berlaku di luar negeri Melaka. Meskipun tidak dinyatakan dengan tepat akan tempat sebenarnya, namun dari kenyataan ini, "Maka Siam pun kembalilah, seraya ia pulang segala rotan ikat barang-barangnya semuanya dicampakkannya di Hulu Muar, maka rotan itu pun tumbuh, itulah dinamai orang Rotan Siam."<sup>65</sup> Tempat ini memang dikenal pasti berada di negeri Melaka. Hanya yang tidak pasti, sama ada ia berada dalam negeri Melaka, wilayah atau jajahannya. Apa yang pasti kawasan ini adalah merupakan satu dari tempat sempadan-sempadan yang ada. Hanya tahapnya sahaja tidak pasti untuk dikategorikan. Jika berdasarkan kepada Sungai Muar, Hulu Muar terletak di daerah Kuala Pilah di Negeri Sembilan yang mempunyai laluan darat dari Melaka ke Pahang dan seterusnya ke Kelantan pada masa itu. Laluan Melaka-Hulu Muar ini mengikut genting bukit yang memisahkan antara anak Sungai Muar dengan anak Sungai Pahang iaitu Sungai Perting. HP menamai laluan ini sebagai Laluan Perting.

Penjelasan seterusnya dipercayai dapat menjelaskan lagi kenyataan di atas, "Maka Tuna Demang pun keluarlah menghimpun segala rakyat dan berhadirlah segala senjata kelengkapan perang .... Maka bertemulah orang Melaka dengan orang Kampar, lalu berperang terlalu ramai."<sup>66</sup> Peristiwa ini adalah semasa penaklukan Melaka terhadap Kampar. Pemerintahan Kampar telah membuat persiapan untuk mempertahankan negerinya dengan berperang di luar dari kotanya sebagaimana dimaksudkan dari perkataan "pun keluarlah". Meskipun tidak dinyatakan di mana tempatnya, namun pemilihan tempat itu mestilah di hujung negeri yang mempunyai kelebihan (*advantage*) kepada negeri yang kena serang (Kampar). Jadi tempat yang menjadi hujung negeri inilah biasanya sempadan kerana ia tidak akan berperang di dalam negeri orang lain.

Bagi penulisan-penulisan yang lain dari SM. Pengarangnya menyatakan dengan jelas tempat-tempat sebagai padang di negeri tertentu. Dari segi teori dan praktiknya, padang dijadikan tempat berperang adalah benar, kerana peperangan masa itu adalah dalam bentuk satu lawan satu dan perlukan kawasan lapang. HRP menjelaskan, "Maka Patih Suatang itu pun seorang hulubalang disuruhnya memberitahu segala pegawai Jawa itu, disuruh duduk bersaf-saf di padang hampir negeri Periagan itu."<sup>67</sup> Mengikut teks ini Periagan adalah tempat terakhir (hujung) bagi Minangkabau yang bersempadan dengan Jajahan Majapahit. Ini kerana bala tentera Majapahit telah berjaya menakluki sampai ke Jambi dan ia berhenti di kawasan dekat Periagan dan Patih Suatang yang menjadi pemimpin Minangkabau itu pula telah pergi ke Periagan untuk menanti dan mengalu-alukan kedatangan tentera Majapahit yang datang untuk menakluki. Pihak Minangkabau telah bersedia untuk berperang dengan bersyarat: berlaga kerbau sebagai pertaruhan kepada negeri.

Begitu juga dengan hikayat-hikayat lain, semuanya memaklumkan tempat itu padang, seperti HMM menyatakan bahawa Raja Kelana Hitam telah berperang

dengan Menteri Kelahun Raja Benua Siam di suatu padang antara ke barat negeri Legor.<sup>68</sup> SP demikian juga apabila menceritakan perihal Raja Legor menyerang Raja Chuteng di Padang Ibong<sup>69</sup> setelah Raja Chuteng tidak mahu tunduk kepadanya. Tempat ini mengikut teks berada di Setul sekarang ini. Dalam HSK ada menyatakan tentang Raja Kelantan bersiap membina kubu-kubu setelah menerima surat perang dari Raja Terengganu Di Pertuan Janggut. Dalam teks itu dinyatakan, "Maka Raja pun berkerah disiahi kubu mana-mana tempat hendak datang itu hingga sampai akan Bukit Yong pergi buat kubu itu."<sup>70</sup> Bukit Yong adalah merupakan satu dari tempat yang menjadi sempadan Kelantan/Terengganu yang terletak di daerah Pasir Puteh.

Kesemua kenyataan di atas, memperlihatkan mana-mana tempat yang digambarkan adalah menjadi sempadan kepada negeri. Ini berasaskan kepada andaian awal bahawa "bertahan" adalah di hujung negeri. Bagi tahap pada kedudukan sebenar sempadan itu dapat diandaikan berada di dusun dalam wilayah paling hujung sekali dengan jiran (musuh) yang hendak memerangi.

Sementara tempat yang dikenali sebagai "pulau" hanya HHT dan SM sahaja yang menceritakannya. Namun begitu, sepanjang tiga peristiwa perang/berkelahi dengan Inderapura menyebutkan nama yang sama iaitu "Pulau Tinggi", dapatlah diyakini bahawa jirannya di selatan iaitu Melaka. Peristiwa melarikan Tun Teja<sup>71</sup> berperang dengan Megat Panji Alam<sup>72</sup> dan menakluki Inderapura<sup>73</sup> semuanya digambarkan bahawa Hang Tuan menjadikan pulau tersebut tempat persinggahannya sebelum diserang oleh Inderapura atau Megat Panji Alam dan juga menjadikan tempat itu sebagai tempatnya melancarkan serangan ke atas Inderapura sehingga dapat ditakluki oleh Melaka. Meskipun HHT ini kurang bersifat sejarah, tetapi bukti dari segi geografi dan sejarah mengesahkan Pulau Tinggi yang menjadi milik Johor hari ini adalah terletak dalam kawasan perairan Endau-Mersing. Kawasan ini asalnya milik Pahang (Inderapura) yang berjaya diperolehi Johor dengan bantuan Inggeris di Singapura.

Menurut SM, Pulau Arang dijadikan tempat berperang antara Melaka dengan Haru pada zaman Sultan Alauddin Shah. Peristiwa ini berlaku setelah Haru memerangi kawasan dari Tanjung Tuan ke Jugra, wilayah Melaka. Sebagai tindak balas, angkatan Melaka bercadang menyerang Haru dan telah bertemu angkatan haru di pulau ini. Peperangan ini di menangi oleh Melaka. Angkatan Melaka mengejar musuh sampai ke Pengkalan Dungun. Jika berdasarkan pengertian yang sama dengan Pulau Tinggi dalam HHT, Pulau Arang juga menjadi pulau penghujung bagi Melaka masa itu. Ini berdasarkan perkataan "... had Pulau Arang-arang...". Manakala kawasan di Hujung bagi Haru ialah di Pengkalan Dungun kerana di situlah bermulanya serangan Melaka terhadap Haru. Biasanya peperangan berlaku di hujung negeri, terutamanya setelah berundur bagi yang kalah.

Bagi melihat peristiwa perang yang melibatkan tempat-tempat yang boleh dikaitkan dengan andaian sebagai sempadan, Hikayat Siak menjelaskan:

*"Hatta, orang Riau Melayu dengan Bugis sudah*

muafakat hendak melanggar Siak. Maka kedengaranlah kepada Yam Tuan Muda Raja Alam. Maka lalu bersiap penjajab, membaiki kubu. Dan penjajab Siak juga tiga puluh buah. Dan orang Riau melanggar delapan puluh buah perahu. Setelah terdengarlah, akan perahu Siak sudah ada di Bukit Batu, dan orang Bukit Batu lari masuk Siak. Dan Penajab Siak pun hilirlah di hulu Pulau Guntung. Dialurlah penjajab, seberang menyeberang. Maka Yam Tuan Muda Raja Alam pun hilir, menjadi rajanya. Dan Tengku Mahmud, rajanya. Dan Tengku Mahmud bersama-sama juga, dan semua perahu Siak menanti di Kuala, di hulu, Pulau Guntung, Sungai Sabak. Maka dialurkan perahu yang tiga puluh. Maka orang Riau pun masuk Kuala Siak

Dan serta sampai di Pulau Guntung, maka perahu Riau pun berhentilah di Pulau Guntung itu, sama-sama berpandangan. Sehari-hari bersiap perahu juga, seorang tiada langgar melanggar. Sampailah tiga bulan, maka orang Siak pun menyuruh memberitahu kepada orang Ria, "Apatah lagi dinanti, datang dari Riau? Hendak meminkan, sekarang sudahlah sedia. Nasi pun sudah terhidang, menanti makan sahaja". Dan dibalas orang Riau. "Sebab maka datang ke Siak ini, sahaja hendak mendapatkan tunanglah". Sudah itu, orang Riau tidak juga datang melanggar. Dan orang Siak pun tiada juga melanggar, maka orang Siak pun berteriak, "Jikalau orang Riau tidak mahu melanggar, orang Siaklah melanggar". Maka orang Siak pun bersiap perahunya, dan membuang Kajang, mendirikan tangannya. Dan Dayung pun ditempatnya, (dan) tetapi pendarat masih bertambat juga. Maka orang Riau terkejut. Masing-masing bersiap perahunya., menanti orang Siak melanggar, tiada juga.

Maka dilihat orang Riau pendarat orang Siak bertambat juga, maka orang Riau berkata, "Orang Siak ini, mengugut kita, dan bilakah dia berani datang, perahunya hanya tiga hari, maka dibuatnya demikian juga maka tiada dipedulikan orang Riau dikatakannya mengugut juga. Tiadalah ia peduli, dan banyak ia ke darat dan ke hutan. Maka segeralah dilepaskan pendaratnya, lalu dilanggarnya, selalu dibedilnya dengan meriam, Maka orang Riau pun terkejut, lalu terjun ke air dan terlalu banyak matinya. Dan perahu orang Riau pun terkejut, lalu terjun ke air dan terlalu banyak matinya. Dan perahu orang Riau semuanya delapan puluh buah, dapat belaka. Akan kenaikan perahu Raja Sulaiman dilepaskan orang Siak kerana Tengku Mahmud murka, tiada

menghantar Menteri Kelahumnya ke Kedah bagi pihak baginda. Menteri Kelahum tidak menabalkan Raja Kedah di Kedah, sebaliknya berhenti di Sala dan membuat tempat persinggahan di situ. Dalam masa yang sama beliau menghantar perutusan kepada Raja Kedah supaya datang ke Sala adalah satu simbolik kerana HMM juga ditulis di atas dasar simbolik. Hikayat ini muncul apabila pihak Inggeris yang menguasai Pulau Pinang semenjak 1786 memerlukan satu dokumen yang dapat mengesahkan hak Raja Kedah ke atas kedah yang dipertikai oleh Siam.<sup>77</sup> Jadi jelaslah bahawa Sala itu merupakan satu tempat yang kedudukannya di luar dari Kedah yang boleh menjadi sempadan antara Kedah dengan Patani dan juga Kelantan pada masa itu.

Begitu juga dengan perisytwa Sala di dalam HSK menggambarkan bahawa Raja Kelantan hendak membuat majlis kenduri berkhatan (masuk jawi) anaknya. Dalam masa yang sama ada perlawanan lembu antara putera Raja Kelantan di Sala. Semasa perlagaan itu berlangsung, putera raja Kelantan di Sala di tikam orang, maka orang ini ditangkap dan dibawa ke Kelantan untuk dihukum. Ini secara tidak langsung, bahawa Sala itu jika tidak milik Kelantan, adalah berada di Patani yang mana Patani dengan Kelantan pernah berada di bawah seorang Raja. Jika peristiwa ini berlaku di waktu yang sama, jelas bahawa Sala adalah menjadi sempadan Kelantan, Patani dan Kedah.

Pernyataan ini hanya mengambil kira kepada keadaan Sala itu sebagai tempat atau kawasan. Ia pasti menjadi kawasan di hujung negeri. Ini biasa berlaku apabila seseorang raja melakukan lawatan ke negeri/kerajaan lain, ia akan disambut di hujung negeri. Contohnya seperti yang dibuat oleh wakil Raja Siam melawat ke Kedah pada tahun 1909 telah disambut oleh wakil Sultan Kedah di Ban Prek, di sebelah atas Sadao dan di Selatan Hadyai. Perkiraan ini perlu dijelaskan bahawa James Low telah menyatakan bahawa Sala itu berkedudukan dekat dengan kawasan hulu Sungai Sala di Kedah. Dalam bahasa Siam pula, Sala bererti balai kecil atau pun dalam kawasan watt. Jika kedua-dua perkiraan ini diambil ternyata perbincangan di atas jadi sia-sia. Apa yang sedang diusahakan ialah satu pengandaian sempadan dengan melihat kepada sesuatu peristiwa yang berlaku dalam penulisan tradisional, bukan perkara tersirat di sebalik tersurat.

*b. Chenak.* Adalah dipastikan bahawa kawasan Chenak sekarang adalah di dalam Negeri Siam (Thailand) yang bersempadan dengan Kedah Utara (Daerah Kubang Pasu) dan Perlis.<sup>78</sup>

Kedudukan ini adalah berdasarkan HMM dan SP yang menceritakan peristiwa perang yang berlaku di Chenak. Maka dapatlah digambarkan bahawa kawasan ini pada masa itu adalah milik Kedah. Ini berdasarkan pada ayatnya "Maka Datuk Sangkei itu ialah yang tua sekali keluar ia dari negeri Patani antara Chenak."<sup>79</sup> Peristiwa berlaku semasa pemerintahan Raja Buluh Betong, di mana Datuk Sangkei cuba untuk melawan dengan cara merompak dan mencuri ke negeri Kedah. Walaubagaimanapun akhirnya dapat dibunuh oleh Raja Buluh Betong. Peristiwa melawan ini dilakukan oleh pemimpin dinyatakan kedudukannya, "di negeri Patani antara Chenak." Dapat digambarkan bahawa Chenak itu adalah dalam negeri Patani dan Patani adalah bersempadan dengan Kedah di bahagian barat laut. Maka sudah

tentu Chenak itu terletak antara Patani dengan Kedah.

Ditinjau pula dalam SP bila mana dinyatakan bahawa Chenak itu di bawah naungan Raja Legor. Apabila Raja Chenak mangkat, maka permaisurinya (balunya) telah berkahwin dengan Syed Ibrahim anak Syed Muhamad Thana Qadri dari Perlis yang berkelana di Chenak. Raja Legor memaksa Syed Ibrahim tunduk kepadanya sebagaimana raja sebelumnya, namun Syed Ibrahim tidak mahu dan akhirnya diserang oleh Legor di Chenak. Penceritaan ini dari segi signifikannya pada sempadan dapat dilihat melalui kedudukan negeri dan sejarah sebenar. Kedudukan Chenak telah dibuktikan bersempadan dengan daerah Kubang Pasu hari ini. Semasa Kedah dipecahkan kepada empat kawasan, Kubang Pasu mempunyai pemerintahan tersendiri seperti Perlis, tetapi Kubang Pasu diserahkan kembali kepada Kedah setelah kematian Tengku Anum. Jadi penyerahan kembali kawasan ini yang mungkin sebelumnya meliputi Chenak telah ditidakkkan oleh Perlis kerana Perlis sememangnya telah lama berusaha untuk memisahkan diri dari Kedah. Sebab itulah Salasilah Perlis menyatakan Chenak adalah di bawah Legor kerana pemisahannya dari Kedah adalah atas sokongan dan bantuan Legor.<sup>80</sup>

Chenak, jika ia tidak berada dalam pemerintahan Kubang Pasu, sekurang-kurangnya ia menjadi sempadan antara Kedah dengan Patani. Kenyataan ini lebih diyakini lagi bahawa Kedah pernah mengusir Siam dalam peperangan tahun 1838 sehingga Songkhla (Singgora) yang mana kedudukannya jauh ke Utara ke negeri orang lain kecuali kawasan itu miliknya (jajahannya) atau bertujuan untuk menakluki. Perang 1838, Kedah hanya mempertahankan diri dan menghalau penjajahan Siam dari negerinya.

Secara keseluruhan Sala dan Chenak adalah merupakan tempat yang menjadi penghujung negeri mahupun sempadan antara negeri Kedah dengan jiran-jiran di sebelah timurnya. Walau bagaimanapun diyakini kedua-dua tempat ini pada masa itu adalah menjadi sempadan berdasarkan kenyataan-kenyataan di atas.

## **KETETAPAN KAWASAN SEMPADAN**

Pernyataan bahawa inilah sempadan negeri A dengan negeri B telah pun dinyatakan oleh pengarang-pengarang tradisional Melayu. Dari 12 buah buku yang menjadi bahan penelitian ini hanya HB dan HP sahaja tidak ada menyatakan secara tepat, mahupun yang hampir-hampir kepada pengistilahan itu supaya dapat dianggap sebagai menjadi sempadan atau pun kawasan sempadan. Ini bermakna, masyarakat Melayu telah ada erti sempadan yang perlu diketahui dan dihormati.

Sempadan Melaka. SM dan HHT yang menceritakan perihal negeri Melaka dan negeri sebelumnya telah pun menerangkan sekurang-kurangnya nama tempat yang menjadi sempadan bagi empayar Melaka atau empayar sebelumnya. SM menceritakan kawasan yang menjadi negeri Melaka sehingga ke rantainya seperti berikut:

*“Adapun zaman itu Negeri Melaka terlalu ramainya,*

*segala dagang pun berkampung, maka dari Air Leleh datang ke Kuala Muar pasar tiada keputusan lagi, dari Kampung Keling datang ke Kuala Penajoh itu pun tiada membawa api lagi, barang di mana berhenti di sana adalah rumah orang, dari sebelah sini hingga datang ke Batu Pahat demikian juga, kerana masa itu rakyat Melaka, sembilan belas laksana banyaknya di dalam negeri juga.”<sup>81</sup>*

Itulah gambaran sempadan negeri Melaka. Melaka dengan jajahan takluknya bagi negeri di Semenanjung sahaja sampai ke arah barat hingga Beruas Hujung Karang, arah ke timur had Terengganu,<sup>82</sup> manakala bagi kawasan Sumatera pula sampai ke Kampar.<sup>83</sup> Jika ditinjau lebih mendalam lagi kawasan Melaka ini dapat dibuktikan pula melalui HHT bilamana pengarangnya menyebut:

*“Kita pun hendak menyuruh memberitahu kepada batin yang memegang anak sungai dan kita pun hendak suruh Payar dan Sulu ke Kuala Siantan dan Jemaja, kerana kita hendak mengutus ke Majapahit hendak menentu akan sungai dua buah itu, terlalu sangat merompak dan melanggar ke tanah Palembang, kerana Palembang itu sudah takhluk ke Bukit Siguntang; kerana yang berkerajaan di Bukit Siguntang itu tuan kita. Kita dengar akan titah ratu Majapahit pada menterinya yang bernama Patih Gajah Mada itu menyuruh melanggar dan merompak ke sana ke mari tanah Palembang. Sebab itulah maka kita hendak menyuruh Sulu melihat Siantan dan Jemaja itu kepada Penghulu Batin.”<sup>84</sup>*

Dari gambaran di atas, ternyata Siantan dan Jemaja dua buah anak sungai yang belum tentu lagi hak pertuanannya sama ada Melaka atau Majapahit. Yang pasti, kedua-dua kawasan itu menjadi sarang perompak lanun yang sering mengganggu kedaulatan Palembang yang menjadi asas pertuanan Melaka (Bentan). Kenyataan ini juga terdapat dalam SM yang menyatakan bahawa Siantan adalah milik Majapahit tetapi telah dianugerahkan kepada Laksamana Hang Tuah semasa perkahwinan Sultan Mansor Syah dengan Radin Galoh Kirana.<sup>85</sup>

Meskipun kedua-dua pernyataan ini berbeza dari segi tarikh kejadiannya iaitu masa perkembangan Majapahit dengan Melaka, namun apa yang ditekankan di sini ialah pengertian sempadan. Pemerintahan di Melaka telah pun menetapkan sempadan-sempadan negeri dan jajahan takluknya.

Sempadan Pahang. SM dengan jelas menerangkan sempadan negeri Pahang sebagai berikut “...dan dari Sedili Besar datang ke Terengganu dianugerahkan oleh baginda akan Raja Muhamad.”<sup>86</sup> Peristiwa ini berlaku semasa Sultan Mansor Syah menghantar puteranya Raja Muhamad untuk dirajakan di Pahang akibat dari kejadian membunuh anak Bendahara. Meskipun hanya sempadan di sebelah lautnya sahaja

dinyatakan, ia tetap merupakan kawasan yang menjadi hak milik. Kenyataan ini tidak menghairankan kerana hubungan Melaka-Pahang di zaman itu lebih tertumpu kepada raja laut.

HRP pula tidak menyatakan dengan tepat sempadan negerinya. Berdasarkan HRP ternyata kawasan itu boleh dianggap sebagai penghujung negeri atau sempadan Pasai dengan jirannya. "Maka Sultan Ahmad pun lalu berangkatlah pindah pada suatu tempat yang bernama Menduga (Menduk), di sanalah tempat baginda diam kira-kira lima belas hari perjalanan dari negeri Pasai."<sup>87</sup> Menduga atau Menduk boleh dianggap kawasan paling hulu bagi Pasai dan mengikut catatan pada lampiran HRP ada menyatakan bahawa tempat ini mungkin sebuah kawasan pedalaman Sumatera Utara.

Begitu juga dalam SP ada menyebutkan negeri Terong yang menjadi tempat persinggahan/berkumpul Raja Legor untuk menyerang Perak dan Selangor. Apa yang pasti, mungkin kesilapan pemahaman semasa menulis perkataan yang dimaksudkan "terong" ialah Trang<sup>88</sup> iaitu satu tempat yang pernah menjadi sempadan utara Negeri Kedah di bahagian pantai. Jika benar Terong itu Trang yang dimaksudkan, ternyata bahawa SP juga memperakui bahawa sempadan Kedah itu sampai ke Trang, jika tidak Sungai Trang itu mejadi sempadannya, mungkin kawasan lembah sungai di persekitaran itu.

HMM juga tidak menyatakan dengan tepat perihal sempadan. Selain dari pernyataan-pernyataan sebelum ini, pernyataan di bawah adalah bukti wujudnya sempadan. "Hatta, tiada berapa lama teruslah ia berjalan itu ke huma orang bertahan sirih hampir dengan perenggan negeri Patani. Maka Raja Bersiong pun pergilah ia kepada dusun rumah yang ada di situ hendak bersama buat kerja barang yang dikerjakan oleh orang dusun itu." Meskipun hanya menyatakan tempat itu sebagai perenggan antara Patani dengan Kedah tanpa menyebut namanya, jelas bahawa pengertian tentang sempadan telah pun digambarkan.

Bagi Negeri Perak, sebagaimana yang tercatat di dalam MM ternyata tempat yang bernama Pachat pernah menjadi sempadan dua pemerintah yang bersaudara iaitu Sultan Muzaffar Syah di sebelah hulu (Kuala Kangsar) dengan Sultan Muhammad Syah di sebelah hilir (Pulau Tiga). Selain itu, dinyatakan Raja Inu anak kepada Al-Marhum Besar (anak Al-Marhum Jalilullah) Raja Perak yang pertama dirajakan di negeri Bernam.<sup>89</sup> Meskipun tidak dinyatakan bahawa Bernam itu sebagai keseluruhan Daerah Sabak Bernam hingga ke Hilir Perak dan Batang Padang-Hulu Bernam, namun jelas bahawa Lembah Selangor itu berada dalam milik Perak dan kawasan hujungnya Lembah Selangor pula menjadi sempadan.

Dengan berpandukan kenyataan di atas dan melihat kepada kedudukan Perak hari ini, Raja Muda "beristana" di Teluk Intan, ternyata seluruh Lembah Bernam pernah menjadi milik Perak. Kenyataan ini diperkuatkan lagi apabila Raja Muda, Raja di Hilir dan Raja Kecil Bongsu (Zaman Sultan Mahmud Syah) selepas menghadiri majlis perkahwinan putera Raja Kedah dengan puteri Raja Selangor telah diiringi kembali oleh Raja Selangor sendiri hingga sampai ke Kuala Bernam.<sup>90</sup> Jelas bahawa Bernam itu adalah milik Perak dan Selangor pada masa itu baru muncul

sebagai sebuah kerajaan selepas dinobatkan oleh Perak.

HSK juga tidak menyatakan dengan tepat tempat itu sebagai sempadan, tetapi setelah melihat kedudukan sempadan hari ini dan sebelum 1909 ternyata tempat itu merupakan sempadan negeri. Bagi negeri Kelantan dan Negeri Legeh dinyatakan sebagai “Raja Pasir Emas Seberang Legeh To’Deh”<sup>91</sup> dengan “Maka orang-orang bawa hilir segala bela-bela Kenchi hendak bedil, baharulah ia keluar belayar pergi akan Kuala Menara.”<sup>92</sup> Kedua-dua tempat yang dinyatakan itu adalah semasa peristiwa pembunuhan permaisuri Raja Kelantan yang menjadi adik kepada Raja Legeh akibat cemburu, bilamana mayatnya disuruh hantar balik ke Legeh. Manakala peristiwa di Kuala Menara adalah kejadian perang saudara antara Tuan Senik Mulut Merah dengan bapa saudaranya. Apa yang pasti, “seberang To Deh” dan “Kuala Menara” adalah tempat yang menjadi sempadan antara Kelantan dengan Legeh.

Bagi sempadan Kelantan dan Terengganu, hanya disentuh Besut dan Sungai Kemasik yang berada di Terengganu. Kedua-dua tempat ini menjadi pusat/tempat persinggahan semasa perang saudara di Kelantan. Jadi sudah pasti kedua-dua tempat ini merupakan sempadan antara Terengganu dan Kelantan.

Sementara HJ dan HPG, masing-masing menceritakan tentang sempadan negeri yang berjiran. Untuk sempadan Johor<sup>93</sup>-Pahang<sup>94</sup> kedua-dua hikayat menyatakan bahawa penyelesaian Sungai Endau sebagai sempadan adalah dibuat oleh Inggeris setelah berlaku kekecohan kerana masalah penganugerahan oleh Bendahara Pahang Tun Mutahir kepada menantunya Temenggong Wan Abu Bakar Johor.

Bagi sempadan-sempadan lain, HPG dengan terang menyebutkan beberapa nama sebagai sempadan. Misalnya sempadan Pahang-Terengganu, dinyatakan sempadannya Kemaman<sup>95</sup> di bahagian tepi laut, manakala sempadan di pedalamannya di Bukit Busut atau dikenali dengan nama Durian Raja. Bagi sempadan dengan Selangor<sup>96</sup> dan Kelantan<sup>97</sup> hanya dinyatakan negeri-negeri tersebut adalah sempadan sahaja. Jadi secara keseluruhan, sama ada bagi negeri-negeri yang bersempadan dengan Siam (Thailand) mahu pun negeri-negeri lain telah dinyatakan nama-nama tempat yang menjadi sempadan antara negeri.

## **JUAL NEGERI (KEKECUALIAN)**

Fakta ini hanya terdapat pada HJ sahaja. Bagi penulisan-penulisan yang lain hanya ada konsep “hadiah” tetapi tidak terjumpa menjual negeri. Apa yang diceritakan oleh HJ ialah perihal putera-putera Sultan Hussein yang diketuai oleh Tengku Ali (Sultan Ali) menjual negeri Johor kepada Temenggong Ibrahim kerana ketidakupayaan untuk mentadbir negeri dan jajahan takluknya, “tiada tahu bagaimana hendak mengatur hal daerah takluknya dari sebab itu sukalah mereka itu hendak menyerahkan tanah dan kerajaan Johor itu kepada Temenggong jika dapat ditentukan beberapa boleh diberi akan mereka belanja yang boleh diterima tetap bulan-bulan.”<sup>98</sup> Hasilnya terserah negeri Johor kecuali kawasan di Utara Sungai Muar hingga ke Kesang kepada Temenggong Ibrahim dan keturunannya melalui perjanjian sahabat



bersahabat pada 10 Mac 1855.

Peristiwa yang sama berulang kembali apabila putera Sultan Ali, Tengku Alum pula menjualkan Kesang kepada Maharaja Abu Bakar pada 9 November 1877.<sup>99</sup> Dalam kedua-dua kejadian ini sudah barang pasti ada ketentuan menyatakan had dan perenggan kawasan masing-masing meskipun tidak dinyatakan secara terperinci di sini. Walau bagaimanapun kes jual negeri adalah sesuatu yang lain daripada yang lain dan ia berlaku kerana penulisan HJ itu sendiri untuk menunjukkan kelemahan keturunan Sultan Hussin dan mengagungkan keturunan Temenggong Wan Ibrahim, khasnya Temenggong Wan Abu Bakar. Seperkara lagi penulisan ini dilakukan setelah pengaruh barat berkembang di sini. Lebih-lebih lagi Temenggong yang kemudiannya Maharaja Abu Bakar itu sendiri yang berpendidikan dan bersahabat dengan Inggeris di Singapura. Namun dari segi menentukan konsep dan ciri-ciri sempadan boleh diambilkira jika ingin melihatnya dari kaca mata tradisional.

## RUMUSAN

Sebagai kesimpulannya konsep sempadan dalam masyarakat Melayu dapat dijelaskan bahawa orang-orang Melayu telah pun mempunyai pengertian tersendiri mengenai sempadan. Pernyataan yang jelas tentang ketetapan sempadan wujud pada masyarakat Melayu bilamana adanya konsep ‘pagar’ di kawasan rumah dan juga tanaman di kawasan padi huma, dusun mahu pun sawah. Ini melambangkan sudah ada perakuan perenggan atau pemisah hak. Namun begitu secara keseluruhannya, bagi mereka perenggan atau pemisah hak.<sup>100</sup> Namun begitu secara keseluruhannya, bagi mereka sempadan itu bukanlah had atau perenggan yang dianggapkan sebagai perenggan atau pemisah (selagi kedua pihak saling menghormati), malah sebaliknya sebagai tanda yang menyatukan lagi. Ini jelas sebagaimana kenyataan yang dibuat oleh pemerintah Melaka mengenai kedudukan anak Sungai Siantan dan Jemaja.<sup>101</sup>

Kenyataan yang menyatakan sempadan itu sesuatu yang kabur, dapat dilihat dari pengistiharan Nabi Khidir yang berbunyi “Ketahui olehmu, hai Raja Kida Hindi bahawa raja kami inilah yang diserahkan Allah Taala kerajaan dunia ini kepadanya, dari masyrik lalu ke maghribi, dari daksina datang ke paksina”.<sup>102</sup> Pengisytiharan itu dibuat oleh Nabi Khidhir semasa meminang puteri Raja Kida Hindi untuk Raja Iskandar Dzul’karnain. Keadaan di atas sebagai menggambarkan peri luasnya kerajaan yang dimiliki oleh Raja Iskandar. Bagi penilaian dalam kajian ini kenyataan itu menggambarkan bahawa orang Melayu telah kenal erti sempadan tapi tidak mementingkan ketetapan di mana. Gambaran dari masyrik ke maghribi, dari daksina datang ke paksina itu samalah seolah-olahnya seperti kenyataan “dari sini ke sana dan dari situ ke mari” tapi had sebenarnya tempat itu di atas muka bumi jarang diambil kira. Perkara ini menjadi penting apabila ada perluasan kuasa dan dicabar oleh pihak lain. Jika sekiranya tidak ada cabaran, persoalan sempadan tidak pernah timbul kerana ia berkembang/mengucup mengikut kuasa.

Keadaan begini boleh dijelaskan lagi sehingga ke hari ini masih kedapatan

lagi pada tanah-tanah orang Melayu yang di atas tanahnya ada lagi pokok-pokok tanaman dan buah-buahan malahan rumah yang menjadi milik orang lain (saudara mara). Pada mereka hak milik itu melepasi batas sempadan. Bagi pihak yang mempunyai tanaman atau rumah itu tidak pernah mempunyai perasaan untuk mengakui tanah / kawasan itu miliknya. Dalam ertikata lain kuasa ke atas tanah itu tetap berada pada tuan tanah. Seorang sarjana sejarah tempatan; Profesor Dato' Shaharil Talib ada menyatakan dalam perbincangan mengenai sempadan bagi kerajaan melayu menyatakan "Sultan Terengganu pernah memaklumkan kepada menantunya Bendahara Pahang bahawa Pahang dan Terengganu tidak pernah ada sempadan negeri. Pintu istana Terengganu sentiasa terbuka untuk Pahang".

Gambaran sesebuah negeri yang dipaparkan oleh pengarang-pengarang tradisional adalah berlebih-lebihan kerana faktor sebab penulisan itu dilakukan. Jadi apabila mereka mengarang mengenai keluasan sesebuah negeri itu juga akan digambarkan sedemikian rupa; kerana pada zaman itu rakyat di dalam negeri Melaka juga sembilan laksa banyaknya, lain pula rakyat teluk rantau dan segala peminggiran jajahan Negeri Melaka".<sup>103</sup> Sembilan laksa itu jika perkiraan sekarang ialah sembilan puluh ribu untuk negeri Melaka sahaja. Jadi sudah tentulah penduduk yang bernaung di bawah Melaka akan lebih ramai lagi. Jumlah yang ramai itu akan membuatkan kita membayangkan bahawa negeri Melaka itu amat besar dan jajahan takluknya terlalu luas. Tapi sampai ke mana? Inilah persoalannya yang menyebabkan konsep yang dibina itu terpaksa meneliti satu persatu mengenai tempat-tempat yang mungkin menjadi sempadan atau pun bersempadan antara satu sama lain.

Rujukan khusus kepada 12 buah buku yang tersebut di atas adalah untuk mewakili negeri-negeri yang terlibat (bersempadan dengan Siam) dan juga sebagai wakil gambaran Alam Melayu. "Kita sering lupa, bagaimana pun ada daerah penempatan Melayu yang ketiga iaitu pulau Kalimantan yang secara tradisi sebagai negeri orang Dayak".<sup>104</sup> Dua belas buah buku yang digunakan sebagai mewakili negeri dan ketiga-tiga daerah penempatan Melayu tersebut.

Kajian dan penelitian yang dibuat adalah untuk melihatkan keadaan semasa itu dari persepsi ketika itu. Apa yang dikemukakan di sini adalah untuk menggambarkan bahawa masyarakat Melayu telah pun mempunyai konsep mereka tersendiri, tetapi ia tidak pernah dinyatakan secara jelas. Mungkin ia tidak begitu penting dengan tujuan penulisan buku histografi itu sendiri.

Dari kesebelasan konsep yang cuba digambarkan di atas, adalah diperakui bahawa sebahagiannya bertindih (*overlapping*). Namun ia perlu diketengahkan juga untuk melihatnya dari pelbagai sudut dan aspek yang boleh diperkirakan sebagai sempadan. Keadaan begini adalah diperlukan kerana penulisan ini berasaskan kepada andaian yang berkemungkinan.

Kedudukan rantau boleh juga terdapat di anak sungai atau di kaki bukit. Demikian juga dengan kedudukan desa yang melambangkan perkampungan di pendalaman/hulu boleh juga menjadi rantau atau dusun. Kedudukan Kota dan paritnya adalah di tengah-tengah negeri. Maksud di tengah-tengah di sini ialah dapat memerintah dan menguasai kawasan sekeliling yang menjadi miliknya dan juga

mendapat pengiktirafan dari pihak lain akan kedaulatannya. Kedudukan ini telah pun dinyatakan dengan jelas akan keluasan dan tempat-tempat yang bersempadan dengannya. Dengan mengambil contoh negeri Melaka, dapat difahami kedudukan negeri-negeri lain.

Sesebuah negeri itu mempunyai daerah dan jajahannya tersendiri. Ia di kelilingi oleh negeri jiran yang mungkin menjadi sahabat mahupun musuhnya. Dalam konteks Kerajaan Melaka, boleh dihuraikan sebagai:

Negeri	: Melaka
Daerah/Wilayah	: Singapura, Bentan, Riau – Lingga
Jajahan	: Pahang dan Terengganu di sebelah timur dan Kampar, Sumatera di sebelah barat.
Jiran	: Siam di Utara : Jawa (Majapahit) di Selatan : Pasai di Barat

Keterangan di atas menunjukkan bahawa satu tempat dengan tempat yang lain ada had dan perengganannya. Itulah sempadan.

Setelah melihat kepada ciri-ciri sebuah negeri dan juga keadaan negeri dan jajahan takhluknya yang menjadi teras kepada pengandaian sempadan, maka di sini akan dirumuskan fakta-fakta itu supaya mendapat satu konsep sempadan yang ideal dan boleh diperakukan. Berdasarkan hakikat bahawa negeri Melayu yang ideal dan boleh diperakukan. Berdasarkan hakikat bahawa negeri Melayu ini yang mempunyai keadaan muka buminya yang berlembah dan bertanah pamah menjadi pusat penempatan, maka pengembangannya adalah tertumpu pada penempatan di lembah sungai yang mempunyai pelbagai kemudahan semulajadi. Proses infiltrasi Melayu, yang sering berlaku di daerah perlembagaan yang baru terbentuk, maju dengan perlahan-lahan yang akhirnya mengatasi jiran-jiran mereka yang tinggal di kawasan yang lebih tinggi.<sup>105</sup>

Tempat-tempat yang sering dijadikan sempadan mengikut kepada nilai keutamaannya ialah lembah sungai dan anak sungai, sungai-sungai, permatang bukit dan gunung, hulu sungai dan puncanya, penemuan terakhir (penghujung) bagi sesebuah negeri dan tanda-tanda yang dapat digunakan sebagai sempadan, seperti pokok besar di padang atau bukit tunggal di tempat lapang. Tempat-tempat yang disebutkan tersebut merupakan tempat yang biasa terdapat di negeri-negeri Melayu kerana keadaan muka buminya. Berkembangnya masyarakat Melayu akan menyebabkan perkembangan penemuan. Pembesaran dan perpindahan kepada penempatan akan melibatkan kawasan atau tempat baru. Proses ini dengan sendirinya akan melibatkan proses pembentukan sempadan yang akan membahagikan kawasan-kawasan dalam negeri atau antara negeri dengan negeri. Dalam ertikata lain, sempadan dalam masyarakat Melayu berkait dengan kuasa. Sejauhmana kuasa ini dapat dilaksanakan dan diterima, disitulah sempadannya. Dengan itu jelaslah, bahawa sempadan yang sebenarnya wujud ialah "sempadan-kuasa".

Pernyataan-pernyataan yang telah dinyatakan dalam bentuk undang-undang (hukum) merupakan satu pengesahan kepada perakuan andaian di atas. Sungguhpun

ia kelihatan kabur iaitu sempadan itu wujud tetapi tidak nyata kedudukannya sebagaimana yang telah dibincangkan. Namun dapat dibuat tanggapan bahawa antara keduanya saling mengesahkan antara satu sama lain. Lagi pun masyarakat Melayu terkenal dengan sifat tidak suka berterus-terang. Banyak yang tersirat di sebalik tersurat.

Dari gambaran di atas, konsep sempadan dalam masyarakat Melayu telah lama wujud, tetapi jarang diperkatakan. Hanya setelah berlaku pertembungan dengan dunia barat di sini, barulah perkara ini diperhatikan kembali dan setelah mereka terpaksa akur dengan apa yang dibawa oleh pihak barat.

#### NOTAHUJUNG

1 Rujukan utama ialah Kamus Dewan. (Edisi Baru ), Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989, hal. 1158, R.J. Wilkinson, A Malay-English Dictionary (Romanized), London, Macmillan Co. Ltd., 1955, hal. 1061, mengistilahkan sempadan sebagai boundary marks, any well defined mark or line of Separation; batu., R.O Winstedt. An English-Malay Dictionary (Roman Characters), Singapore, Kelly & Walsh, Ltd., 1952, hal. 50 memaknakan "boundary" sebagai sempadan, perenggan, batasan., Haji Shamsuddin Bin Mohd Yunus, Kamus Melayu (Makna Perkataan Melayu), Pulau Pinang, Sinaran Bross, 15 Jul. 1964, hal. 409. (Jawi)., mengistilahkan sempadan sebagai "sebarang benda yang menunjukkan atau menetapkan had atau batas tanah, lapangan, ladang das, perenggan menyempadani pam, meletakkan atau menandakan perenggan.

2 R.J Wilkinson, Ibid., hal. 801.

3 Penelitian daripada peringkat asas ini untuk melihatkan kewujudan "Negara dan Sempadan" itu adalah serentak. Ia bermula dari kawasan kecil iaitu penempatan beberapa buah rumah yang dikenali dengan nama / istilah kampung. Berkembang dengan beberapa buah kampung menjadi mukim, daerah dan seterusnya negeri. Hakikat ini telah diperakui oleh Undang-Undang Melayu lama. Perbincangan seterusnya akan lebih menjelaskan lagi.

4 Khoo Kay Kim menyarankan supaya bahan tempatan dan kacamata tempatan perlulah diperlihatkan dalam penulisan hari ini, lebih-lebih lagi yang melibatkan sejarah. Lihat kata pengantar beliau dalam buku Tradisi Pensejarahan Pahang Darul Makmur 1800-1030, Muhammad Yusoff Hashim dan Aruna Gopinath, Petaling Jaya, Tempo Publishing, 1992, hal. Vii, dan lihat sama Kassim Ahmad dalam kata pengenalan 1. Hikayat Hang Tuah, diselenggarakan oleh Kassim Ahmad, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hal. Xxii.

5 Hikayat Siak dirujuk kepada pengkesahan peperangan sahaja. Sesuai dengan penulisannya yang lebih bercorak sedemikian. Berbandingkan dengan penulisan lain yang lebih menyeluruh dalam semua bidang yang teliti.

6 Hukum Kanun Melaka adalah teras kepada undang-undang di negeri lain. Penggunaan pada hukum (undang-undang) negeri lain untuk melihatkan persamaan dan kelainannya. Dari segi versi yang digunakan, mengikut versi yang dikajikan oleh penyelenggaraannya.

7 Masalah pertikaian sempadan (*border conflicts*) yang wujud pada hari ini, akibat dari pembahagian sempadan negara (penetapan garis sempadan) yang lebih mengikut corak barat tanpa memperkirakan keadaan setempat. Sebenarnya terdapat banyak perbezaan antara ciri-ciri dan konsep barat berbanding dengan keadaan setempat. Sebelum pembahagian sempadan tahun 1824 yang membandingkan pengaruh British di Utara dengan Belanda di Selatan. Kerajaan Melayu Johor-Riau tidak pernah terpisah. Demikian juga pembahagian sempadan 1909 antara Kerajaan British dengan Kerajaan Siam bagi membahagikan negeri Melayu di Utara Semenanjung. Kesannya, dapat dilihat sampai hari ini yang tidak pernah berkesudahan.

8 Senarai buku tersebut ialah: Sejarah Melayu, Jilid Pertama dan kedua, diusahakan oleh W.G. Shellabear, Singapore, Malaya Publishing House, Singapura, 1961., Hikayat Hang Tuah, diselenggarakan oleh Kassim Ahmad, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992., "Salasilah Perlis, ( Analisa dan Kajian Teks )" oleh Meriam bt. Abd. Rahim, Latihan Ilmiah Sarjana Muda Pengurusan ( Kepujian ) Institut Bahasa, Kesusteraan dan Kebudayaan Melayu ( IBKKM ), Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1977/1978., Hikayat Merong Mahawangsa, di selenggarakan oleh Siti Hawa Salleh, Kuala Lumpur, Penerbit Pusaka Universiti Malaya, 1991., Misa Melayu, oleh Raja Chulan, Kuala Lumpur, Penerbitan Pusaka Antara, 1991., "Hikayat Seri Kelantan", di selenggarakan oleh Mohd Taib bin Osman, Tesis MA, Kuala Lumpur, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1961., Hikayat Patani, diusahakan oleh A. Teeuw dan D.K. Wyatt, The Hague, Martinus Nijhoff, 1970., Hikayat Raja Pasai, diusahakan oleh Russel Jones, Petaling Jaya. Penerbitan Fajar Bakti, 1987., Hikayat Banjar, Diusahakan oleh Johannes Jacobs Ros, diterjemahkan oleh Siti Hawa Salleh, Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990., Hikayat Pahang, diusahakan oleh Kalthum Jeran, Petaling Jaya, penerbitan Fajar Bakti, 1986. Hikayat Johor dan Tarawikh Almarhun Sultan Abu Bakar, dikarang oleh Al Khaqir Kapten Haji Mohammad Said bin Haji Sulaiman, Singapore, Pejabat Cetak Malaya Hikayat Siak, dirawikan oleh Tengku Said, diselenggarakan oleh Muhammad Yusoff Hashim, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.

9 A Malay Legal Digest Compiled for 'Abd al Ghafur Muhaiyu'ddin Shah, Sultan of Pahang 1592 – 1914 A.D, with Undated Additions, edited by, John. E. Kempe & R.O winstedt. JMBTAS, vol. xxi, Pt. I, April 1948, hal. 10 Dalam Bahasa Melayu ia lebih dikenali Hukum Kanun Pahang. Untuk rujukan seterusnya, ia digunakan sebagai Hukum Kanun Pahang.

10 W.G. Shellabear, Op. Cit., hal. 72.

11 Kassim Ahmad, Op. Cit., hal. 15.

12 Ibid, hal. 481.

13 Siti Hawa Salleh, Op. Cit., hal. 32.

14 A. Teeuw dan D.K. Wyatt, Op. Cit., hal. 70. Pembukaan negeri ini ada sedikit kelainan. Dari segi penulisan lain, biasanya pembuka negeri datang dari laut dan membuka negeri di kuala atau ditepi sungai, tetapi Raja Patani menghilir sungai pula. Ini berkemungkinan ada pengaruh Siam yang turun dari hulu semasa dalam perkembangan sejarah Kerajaan Siam itu sendiri, ataupun untuk memperlihatkan perbezaannya bahawa keturunan Raja-Raja Melayu

Patani itu tidak berasal dari Raja Iskandar Dzulkarnain.

- 15 Russel Jones, Op. Cit., hal. 10 – 11.
- 16 Johannes Jacobs Ros, Op. Cit., hal. 96.
- 17 Meriam bt. Abd. Rahim, Op. Cit., hal. 96.
- 18 Raja Chulan, Op. Cit., hal. 96.
- 19 Kalthum Jeran, Op. Cit. hal. 6.
- 20 Mohammad Said bin Haji Sulaiman, (Al Khaqir Haji), Op. Cit., hal. 10. Selepasa ini digunakan Hikayat Johor sahaja.
- 21 Penduduk yang tinggal di kawasan perairan ini ialah Orang Laut. Mereka digolongkan sebagai masyarakat Melayu Asli. Kewujudan mereka kekal sampai sekarang di sekitar Selat Tebrau dan perairan barat daya Johor. Dalam zaman keagungan Kerajaan Melayu Melaka dan Johor Riau, mereka merupakan tenaga tambahan utama dalam peperangan.
- 22 Mohd Taib bin Osman, Op., hal. 43.
- 23 Ibid, hal. 24.
- 24 Johannes Jacobs Ros, Op. Cit., hal. 184.
- 25 Lihat Liaw Yock Fang, ( Penyusun ), Undang-Undang Melaka, The Haque, Martinus Nijhoff, 1976, hal 62. Teks asalnya lebih dikenali sebagai Hokum Kanun Melaka.
- 26 W.G. Shellabear, Op. Cit., hal. 159. Namun ada yang lebih besar dari digambarkan oleh pengarangnya seperti luasnya kota Raja Suran di benua Keling itu, “turun tujuh gunung di dalamnya, dan pada masa tengahnya negeri itu ada tasik terlalu luas, seperti lautnya, jikalau gajah berdiri di seberang tasik itu, tidak kelihatan dari seberangnya...”, hal 20.
- 27 Raja Chulan, Op. Cit., hal. 8.
- 28 A. Teeuw dan D.K. Wyatt, Op. Cit., hal. 89.
- 29 Ibid, hal. 89.
- 30 Lihat Kedah Laws oleh R.O Winstedt, JMBRAS, Vol. VI, Pt. II, June 1928, hal. 16 selepas ini dikenali Hukum Kanun Kedah.
- 31 Johannes Jacobs Ros, Op. Cit. hal. 235.
- 32 Kassim Ahmad, Op. Cit., hal. 17.
- 33 Ibid, hal. 402.

- 34 Ibid, hal. 513.
- 35 A. Teeuw dan D.K. Wyatt. Op. Cit., hal. 71.
- 36 Kassim Ahmad, Op. Cit., 54., Raja Melaka bertitah kepada Bendahara, "Ayah mamak Bendahara, beri tempat akan Patih ini hampir kampung mamak Bendahara.
- 37 Johannes Jacobs Ros, Op., hal. 313.
- 38 Hukum Kanun Kedah, Op. Cit., hal, 30 menyatakan "Fasal yang kesebelas pada menyatakan hukum undang-undang. Adapun hukum orang yang memasuki kampung orang yang pada ketika malam, tiada ia bersuara, jika dibunuh orang yang mempunyai kampung itu, mati sahaja; maka tiadalah hukum pada yang mempunyai kampung itu, berpagar. Apabila naik orang ke rumah atau dibawah rumah sekalipun, jika ditikam oleh empunya rumah itu, mati sahaja. Adapun alamat pagar rumah itu, jikalau palangnya, hukumnya pagar juga.
- 39 Kenyataannya di atas adalah dibuat oleh Johannes Jacobs Ros dalam kaitannya ke atas Hikayat Banjar, Op. Cit., hal. 177 – 178.
- 40 Raja Chulan, Op. Cit., hal. 35.
- 41 Mohd Taib Jacobs Osman, Op. Cit., hal. 66.
- 42 Johannes Jacobs Ros, Op. Cit., hal. 305.
- 43 Kassim Ahmad, Op. Cit., hal. 256.
- 44 Russel Jones, Op. Cit. Hal. 7.
- 45 W.G.Shellabear, Op. Cit., hal. 242.
- 46 Liaw Yock Fang, Op. Cit., hal. 86. Perihal hamba lari fasal ketiga belas.
- 47 Lihat "Undang-undang 99", Fasal ke 16, Undang-undang Hamba atau kawalan Orang Lari dalam M.A. Fawzi Basri, Cempakasari, Sejarah Negeri Perak, Ipoh Yayasan Perak, 1986, hal. 220.
- 48 A. Teeuw dan D.K. Wyatt, Op. Cit., hal 79.
- 49 Lihat peta negeri Sembilan dalam Atlas Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1977, hal. 92 – 93.
- 50 W.G. Shellabear, Op. Cit., hal. 190.
- 51 Raja Chulan, Op. Cit., hal. 87.
- 52 Kenyataan ini dapat mengesahkannya, "The most primitive form of cultivation know

to be the Malays and one that is practiced by numerous Indo-Chines tribes is the hill-farm system. The Malay peasant who does not possess a sawah, or wet padi field, or who possessing one, is unable, from want buffaloes or some other cause, to work it, select a piece of forest land on the side of a hillo and proceeds to clear it by first cutting down (tebas) the under-wood and felling (tebang) the forest trees. Work commenced about March or April, and when the faller timber is dry it is set on fire.... Hill padi (padi Huma ) is then sown by dropping a few seeds into holes made a short interval with a poited stick. Many Maly prefer the lading system, as it is called, to the wet cultivation on the plains, for one reason namely, the variety of different edible vegetables which a lading will produce. Besides the hill padi, he can go grow on his farm, bananas, Indina corn, pimpkins and gourds, sugar cane, chillie ec & c. Sometimes the same piece of land is cultivated ini this manner two years runningm but usually new land is taken up every year. Kenyataan ini adalah dipetik dari Chapter II, Huma or Ladang Cultivation dalam W.E. Maxwell, The Law and Customs of the Malays with Reference to the Tenure of Land, JSBRAS, No. 13, jun 1884. hal. 81.

53 W.G. Shellabear, Op. Cit. hal. 137.

54 Ibid, hal. 140.

55 Ibid, hal. 226.

56 \*Maksudnya Daerah. Hanya negeri Kelantan sahaja menganggap kawasan daerah sebagai jajahan. Ini bersesuaian dengan keadaan negeri Kelantan pada awalnya adalah bertumpu di tepi sungai Kelantan yang berdekatan dengan kualitasnya. Lepas itu, negeri itu terbahagi-bahagi kepada beberapa pemerintahan dalam masa yang sama mengikut konsep pegangan. Maka kedapatanlah isitlah Raja di Baroh, Raja Panambang, Raja Kubang Labu dan sebagainya yang menunjukkan tempat pegangan mereka yang berkuasa. Jadi apabila ia meluaskan daerahnya telah dianggapkan sebagai jajahan pada hakikatnya itu adalah daerah.

57 Mohd. Taib bin Osman, Op. Cit., hal. 33.

58 Russel Jones, Op. Cit., hal. 70

59 Ibid, hal. 17.

60 Kassim Ahmad, Op. Cit., 490.

61 Raja Chulan, Op. Cit., hal. 19.

62 Adapun nama Kuala Kangsar itu tercipta dari perkataan 'Kual Kurang Satu Ratus', iaitu jumlah anak sungai yang dikira dari Hilir Perak sampai ke tempat tersebut. Apabila dipendekkan perkataan kurang satu ratus itu dalam dialek tempatan, ia berbunyi "kurang se" yang diringkaskan menjadilah ia Kangso. Setelah dibakukan berbunyi Kangsar. Maklumat ini diperolehi dari Cikgu Zainal Abidin bin Ahmad, Guru Penolong Kanan, Sekolah Menengah Temenggong, Kati, Kuala Kangsar, Perak, tahun 1970an semasa penyelidikan bersekolah menengah rendah, di sekolah tersebut.

63 Nama ini diberitahu oleh penduduk tempatan semasa kajian medan dilakukan pada



bulan April 1992.

64 Memilih dan menilai lokasi amat penting dalam suasana peperangan. Keupayaan menguasai lokasi *no men's land* akan membawa kelebihan untuk memenangi peperangan itu.

65 W.G. Shellabear, Op. Cit., hal.92.

66 Ibid, hal. 144.

67 Russel Jones, Op. Cit., hal. 74.

68 Siti Hawa Salleh, Op. Cit., hal. 54.

69 Meriam Abd. Rahim, Op. Cit., hal. 119.

70 Mohd. Taib Osman, Op. Cit., hal. 67.

71 Kassim Ahmad, Op. Cit., hal. 138-139.

72 Ibid, hal. 261.

73 Ibid, hal 500.

74 Lihat Hikayat Siak, Op. Cit., hal. 138-139.

75 Siti Hawa Salleh, Op. Cit., hal. 95.

76 Mohd. Taib Osman, Op. Cit., hal. 95.

77 Siti Hawa Salleh dalam penyelenggaraan terhadap teks HMM ini telah menyatakan bahawa satu dari teks ini dikarang kerana Inggeris berkehendakkan bukti dan dokumen yang boleh ditunjukkan oleh Kedah bahawa kawasan-kawasan yang dikatakan berada dalam negeri Kedah itu mempunyai bukti yang sah. Ini kerana Siam juga menuntut dan mengakui bahawa tempat itu adalah miliknya.

78 Dengan merujuk kepada "Sketch map of the Maly State of Kedah and Perlis 1911" yang dipetik dari Monograph No. 12, 1984, hal. Awal Lihat juga pada perbincangan seterusnya.

79 Meriam bt. Abd. Rahim, Op. Cit., hal. 10.

80 Ibid, hal. 100

81 W.G. Shellabear, Op. Cit., hal. 247.

82 Ibid, hal. 82.

83 Ibid, hal. 142.

- 84 Kassim Ahmad, Op. Cit., hal. 29.
- 85 W.G Shellabear, Op. Cit., hal. 124.
- 86 Ibid, hal. 150.
- 87 Russel Jones, Op. Cit., hal. 67.
- 88 Perbincangan lanjut tentang sempadan tradisional negeri Melayu yang bersempadan dengan Siam akan dibuat pada setiap bab seterusnya.
- 89 Raja Chulan, Op. Cit., hal. 18.
- 90 Ibid, hal. 183.
- 91 Mohd. Taib Osman, Op. Cit., hal. 27. Penghuraian lanjut dapat dilihat pada Notakaki No. 88 dan 89, hal, buku yang sama.
- 92 Ibid, hal. 72.
- 93 Hikayat Johor, Op. Cit., hal. 15.
- 94 Kalthum Johor, Op. Cit., hal. 15.
- 95 Ibid, hal. 32.
- 96 Ibid, hal. 89.
- 97 Ibid, hal. 139.
- 98 Hikayat Johor, Op. Cit., hal. 8.
- 99 Ibid, hal 27.
- 100 Hukum Kanun Melaka menjelaskan “Adapun pagar huma itu, jikalau orang sudah memagar, maka orang lain itu tiada memagar, maka dimakan babi atau dimakan kerbau, menggantikan padi orang itu, kerana taksirnya tiada terpagar olehnya itu. Jikalau habid padi orang itu dimakan binatang, menggantikan semuanya itu, demikian hukumnya”. Fasal dua puluh dua, pecahan dua menjelaskan, “Peri pada menyatakan hokum resam segala orang yang bertanam-tanaman. Adapun hendaklah pada segala kamu yang bertanam-tanaman itu diperbuat oleh kamu pagar dan parit, jangan taksir pada menunggu dia. Sebermula tanam-tanaman itu atas dua perkara. Bahawasanya tanam-tanaman itu ada berpagar, jika masuk kerbau atau lembu, jikalau tertikam pada malam, menyembelih binatang itu, sebelah harganya menyilih, tetapi pada kaul yang sah menyilih semuanya harga tanaman itu disilih oleh yang empunya kerbau atau lembu”. Lihat Liaw Yock Fang, Op. Cit., hal. 31.
- 101 W.G. Shellabear, Op. Cit, hal. 124.

102 Ibid, hal. 6.

103 Ibid, hal. 242.

104 Pandangan yang dibuat oleh Johannes Jacobs Ros dalam kata pengantarnya terhadap buku Hikayat, Op. Cit. ix.

105 Ibid, hal. ix.